Bagi tujuan pemprosesan untuk mendapatkan koordinat harian menggunakan perisian *Bernese*, pra-pemprosesan perlu dibuat terlebih dahulu di mana data-data setiap jam ini digabungkan kepada data harian. Selain itu, resolusi data juga akan dikurangkan kepada 30 saat mengikut praktis antarabangsa. Pada masa yang sama, penilaian kualiti cerapan akan dilakukan bagi memastikan data-data ini bebas daripada pengaruh selisih berbilang alur. Proses penyatuan fail serta penilaian kualiti ini dibuat menggunakan perisian *TEQC (Translation, Editing and Quality Checking)* yang dihasilkan oleh *University NAVSTAR Consortium*


(UNAVCO). Perisian ini boleh dimuat turun secara percuma di laman sesawang UNAVCO (<http://www.unavco.org>, diakses pada 27 Januari 2020). Lazimnya, pra-pemprosesan dilakukan secara berkala menggunakan teknik pemprosesan *batch*, di mana arahan kerja diprogramkan pada satu fail sebelum dilaksanakan. Seterusnya, plotan status ketersediaan data *MyRTKnet* seperti di **Rajah 2** akan dibuat selain plotan *skyplot* seperti di **Rajah 3** untuk analisis selisih berbilang alur pada stesen-stesen *MyRTKnet*.



Rajah 2: Status Ketersediaan Data Pada Sebahagian Dari 96 Stesen *MyRTKnet* Bermula Dari 1 Januari 2018 (*Doy 1*) Hingga 30 September 2018 (*Doy 273*). Warna Hijau Menunjukkan Data-Data Yang Tersedia. Gangguan Pada Data Boleh Berpunca Dari Kerja-Kerja Penyelenggaraan, Kerosakan Peralatan, Atau Gangguan Bekalan Elektrik



(a) Satelit GPS



Data starts 2018 10 15 00:00:00. Day of year 288

(b) Satelit GLONASS

Rajah 3: Skyplot Yang Menunjukkan Status Selisih Berbilang Alur Pada Stesen MyRTKnet UPMS di Universiti Putra Malaysia Pada 15 Oktober 2018

b. Muat Turun Data RINEX IGS

Antara keperluan lain pemprosesan GNSS harian adalah data-data RINEX bagi 59 stesen IGS rujukan yang telah dikenalpasti seperti pada **Rajah 1 (a)**. Proses muat turun ini boleh dilakukan sama ada secara manual, menggunakan teknik pemprosesan *batch*, atau menggunakan beberapa perisian yang tersedia di pasaran seperti *RTKLIB* (Takasu, 2009). Data-

data *RINEX* harian ini disimpan berdasarkan tahun dan hari dalam tahun berkenaan, serta boleh dimuat turun secara percuma dari laman sesawang *Crustal Dynamics Data Information System* (CDDIS) (i.e. <https://cddis.nasa.gov>, diakses pada 27 Januari 2020).

c. Muat Turun Produk-Produk IGS

Produk-produk *IGS* juga perlu dimuat turun dari laman sesawang *CDDIS* untuk digunakan dalam pemprosesan *GNSS* harian. Terdapat beberapa pilihan produk yang tersedia seperti di **Jadual 1** bergantung kepada faktor kesegeraan (*latency*) dan keperluan ketepatan (*accuracy*) pemprosesan tersebut. Pada masa kini, Bahagian Ukur Geodetik menggunakan dua jenis produk *IGS* iaitu *Rapid* untuk pemprosesan segera, dan *Final* untuk pemprosesan muktamad yang memberikan ketepatan terbaik. Memandangkan produk-produk ini disimpan berdasarkan minggu *GPS* (*GPS week*), hubungan di antara tarikh dan *DoY* serta minggu *GPS* berkenaan perlu diketahui dan boleh dirujuk pada kalendar *GPS* seperti di laman sesawang *National Geodetic Survey* (*NGS*) iaitu: <https://www.ngs.noaa.gov/CORS/Gpscal.shtml>, (diakses pada 27 Januari 2020).

d. Muat Turun Model Troposfera

Biasan troposfera merupakan salah satu selisih yang mempengaruhi cerapan *GNSS*. Terdapat dua (2) komponen dalam selisih ini iaitu komponen kering (*dry component*) dan komponen basah (*wet component*). Lazimnya dalam pemprosesan *GNSS*, komponen kering akan dimodelkan secara empirikal melalui penggunaan model-model seperti Hopfield (1969), Saastamoinen (1973) atau Niell (1996), manakala komponen basah pula akan ditentukan bersama dengan koordinat stesen (dianggap sebagai salah satu parameter untuk ditentukan). Berbanding penggunaan model empirikal, Boehm et al. (2006) telah memperkenalkan *Vienna Mapping Function-1* (*VMF-1*) yang memodelkan biasan troposfera melalui *ray-tracing* pada *Numerical Weather Models*. Justeru, model ini lebih menggambarkan biasan sebenar yang dialami oleh signal satelit

untuk sampai ke alat penerima GNSS. Kouba (2008) mencadangkan penggunaan model ini untuk aplikasi-aplikasi yang memerlukan kejituan tinggi. Model grid *VMF-1* diterbitkan setiap enam (6) jam oleh *Vienna University of Technology* dan boleh dimuat turun secara percuma dari laman sesawang <http://ggosatm.hg.tuwien.ac.at> (diakses pada 27 Januari 2020). Bagi tujuan pemprosesan harian, empat (4) fail pada hari berkenaan perlu digabungkan dengan fail pertama pada hari berikutnya. Proses ini juga boleh dipermudahkan menggunakan teknik pemprosesan *batch*.

Jadual 1: Kualiti Produk-Produk GNSS

Type		Accuracy	Latency	Sample Interval
Broadcast	Orbits	~100 cm	real time	daily
	Sat. clocks	~5 ns RMS ~2.5 ns SDev		
Ultra-Rapid (predicted half)	Orbits	~5 cm	real time	15 min
	Sat. clocks	~3 ns RMS ~1.5 ns SDev		
Ultra-Rapid (observed half)	Orbits	~3 cm	3 - 9 hours	15 min
	Sat. clocks	~150 ps RMS ~50 ps SDev		
Rapid **	Orbits	~2.5 cm	17 - 41 hours	15 min
	Sat. clocks	~75 ps RMS ~25 ps SDev		5 min
Final **	Orbits	~2.5 cm	12 - 18 days	15 min
	Sat. clocks	~75 ps RMS ~20 ps SDev		Sat.: 30s Stn.: 5 min

** Produk-Produk Yang Kini Digunakan Dalam Pemprosesan GNSS Harian di Bahagian Ukur Geodetik (sumber <http://www.igs.org/products>, diakses pada 27 Januari 2020)

2.2 Peringkat Pemprosesan

Secara umumnya, terdapat dua (2) strategi pemprosesan GNSS yang boleh digunakan iaitu secara *zero-difference* (juga dikenali sebagai *precise point positioning*) atau *double-difference* (juga dikenali sebagai *relative positioning*). Kelebihan bagi setiap strategi pemprosesan ini bolehlah dirujuk, antaranya kepada Rizos et al. (2012). Perisian Bernese menawarkan penggunaan kedua-dua strategi pemprosesan berkenaan. Namun begitu, strategi *double-difference*

selalunya menjadi pilihan kerana kemampuan penyelesaian ambiguiti yang ditawarkan. Perisian *Bernese* juga membolehkan pemprosesan secara pukal melalui penggunaan *Bernese Processing Engine (BPE)*. Aturan proses kerja boleh dijalankan secara berterusan dengan menetapkan proses-proses kerja yang perlu dijalankan pada *BPE* tersebut. Terdapat dua (2) *BPE* yang telah dibangunkan iaitu *RAPIDSOL.BPE* untuk pemprosesan segera menggunakan produk *IGS Rapid*, dan *BUG2DF.BPE* untuk pemprosesan muktamad menggunakan produk *IGS Final*.


2.3 Peringkat Pengekstrakan dan Visualisasi Hasil Pemprosesan

Pemprosesan *GNSS* menggunakan *RAPIDSOL.BPE* dan *BUG2DF.BPE* akan menjana koordinat stesen-stesen yang terlibat serta parameter-parameter lain seperti model ionosfera dan troposfera setempat, selain selisih jam alat penerima *GNSS*. Hasil pemprosesan adalah dalam bentuk teks yang boleh diolah untuk paparan grafik. Koordinat geosentrik yang merujuk kepada *Earth-Centered Earth-Fixed (ECEF)* perlu ditukar kepada koordinat toposentrik bagi tujuan visualisasi dalam komponen Utaraan, Timuran dan Ketinggian. Paparan setiap komponen lazimnya berdasarkan perbezaannya dengan nilai purata.


Rajah 4 menunjukkan plotan koordinat stesen *MyRTKnet* UUMK di Universiti Utara Malaysia, Kedah dari tahun 2005 hingga 2017. Terdapat tiga (3) gempa bumi (ditunjukkan oleh *EQ1*, *EQ2* dan *EQ3*) yang telah memberi kesan kepada pergerakan stesen *MyRTKnet* tersebut, iaitu pada 28 Mac 2005 (*Nias-Simeulue*), 12 September 2007 (Bengkulu), dan 11 April 2012 (Lautan India). Perubahan sistem dan peralatan daripada *Trimble* kepada *Leica* (ditunjukkan oleh *EC*) yang tidak dimodelkan pada penghujung tahun 2015 juga telah memberi kesan kepada Komponen Ketinggian.

Rajah 5 pula menunjukkan plotan yang sama untuk stesen *TGPG* (Tanjung Pengelih) di selatan tanah air. Jelas daripada kedua-dua rajah ini bahawa stesen-stesen *MyRTKnet* bukan sahaja terkesan dengan peristiwa gempa bumi berskala besar yang berlaku di negara-negara jiran, malah stesen-stesen ini juga mengalami pergerakan konstan yang boleh diperhatikan sebagai *trend* menurun

pada komponen Utaraan dan trend menaik pada komponen Timuran. Senario ini menggambarkan pergerakan tektonik blok *Sundaland* ke arah Timur Tenggara pada magnitud sekitar tiga (3) cm setahun.



Rajah 4: Plotan *Time-Series* Yang Menunjukkan Pergerakan Stesen *MyRTKnet* UUMK bagi Komponen Utaraan, Komponen Timuran dan Komponen Ketinggian di Universiti Utara Malaysia, Kedah Dari Tahun 2005 Hingga 2017



Rajah 5: Plotan *Time-Series* Yang Menunjukkan Pergerakan Stesen *MyRTKnet* TGPG di Tanjung Pengelih, Johor bagi Komponen Utaraan, Komponen Timuran dan Komponen Ketinggian Dari Tahun 2005 Hingga 2017

3. AUTOMASI PEMROSESAN DATA GNSS

Proses-proses kerja yang diterangkan memerlukan ketekunan pemproses untuk dilaksanakan secara berterusan selain turut melibatkan masa yang lama untuk dilakukan secara manual. Penggunaan teknik pemprosesan *batch* oleh pemproses yang mahir dapat

membantu mempercepatkan perkara tersebut. Lazimnya pemprosesan data *GNSS* ini dilakukan secara berkala disebabkan tugas-tugas lain di Bahagian Ukur Geodetik.

Menyedari perkara ini, pembangunan automasi pemprosesan data *GNSS* bagi tujuan pemantauan integriti koordinat stesen-stesen *MyRTKnet* telah dibuat sejak awal tahun 2018. Sehingga kini, automasi pemprosesan menggunakan produk *IGS Rapid* telah diselesaikan menyedari kepentingan untuk mendapatkan hasil yang segera. Sebanyak lapan (8) modul utama telah dibangunkan secara *in-house*, selain beberapa modul tambahan seperti penukaran di antara tarikh, *DoY* dan minggu *GPS*, serta penukaran koordinat, transformasi datum, dan unjuran peta. Berikut adalah lapan modul utama yang telah dibangunkan berserta penerangan ringkas mengenainya.

a. Modul 1: Pra-pemprosesan data *MyRTKnet*

Modul ini bertujuan untuk menggabungkan data-data *RINEX* setiap jam bagi 96 stesen *MyRTKnet* kepada data harian, selain menjalankan semakan kualiti data untuk mengesan selisih berbilang alur.

b. Modul 2: Muat turun data *IGS*

Modul ini bertujuan untuk memuat turun data *RINEX* harian bagi 59 stesen *IGS* rujukan yang telah dikenalpasti.

c. Modul 3: Muat turun produk *IGS Rapid*

Modul ini bertujuan untuk memuat turun produk-produk *IGS Rapid* yang diperlukan bagi tujuan pemprosesan segera.

d. Modul 4: Muat turun produk *IGS Final*

Modul ini bertujuan untuk memuat turun produk-produk *IGS Final* yang diperlukan bagi tujuan pemprosesan muktamad.

e. Modul 5: Muat turun model troposfera *VMF-1*

Modul ini bertujuan untuk memuat turun model troposfera *VMF-1* dan menyediakan fail untuk pemprosesan harian. Empat fail untuk hari tersebut akan digabungkan bersama dengan fail pertama untuk hari berikutnya.

f. Modul 6: Semakan status ketersediaan data

Modul ini bertujuan untuk menyemak status ketersediaan data pada tiga (3) lokasi penyimpanan, iaitu pelayan *MyRTKnet*, pelayan *Marine Geodetic Infrastructures in Malaysia Waters (MAGIC)* serta komputer storan data pemprosesan, dan seterusnya menjana laporan perbandingan data.


g. Modul 7: Pemprosesan data GNSS menggunakan perisian Bernese

Modul ini bertujuan menyediakan keperluan pemprosesan dan seterusnya menjalankan pemprosesan tersebut menggunakan *RAPIDSOL.BPE* yang telah dibangunkan.

h. Modul 8: Pengekstrakan dan visualisasi hasil pemprosesan

Modul ini bertujuan untuk mengekstrak hasil pemprosesan *Bernese*, menjalankan analisis ringkas dan membuat penukaran koordinat untuk paparan grafik seperti pada **Rajah 4** dan **Rajah 5**.

Pemprosesan *GNSS* ini telah ditetapkan beroperasi secara automatik pada jam 8.30 pagi setiap hari dan akan memproses data untuk hari ketiga sebelumnya (Contoh: Pemprosesan data *GNSS* yang dijalankan pada 25 Oktober 2018 adalah menggunakan data *GNSS* pada 22 Oktober 2018). Ini bagi memastikan data-data *RINEX* bagi 59 stesen *IGS* rujukan, produk-produk *IGS Rapid* serta model troposfera *VMF-1* telah tersedia untuk dimuat turun. Setiap modul yang dibangunkan juga boleh beroperasi secara berasingan untuk menyokong pemprosesan secara semi-automatik. Pengguna hanya perlu memasukkan maklumat tarikh mula dan tarikh akhir untuk operasi modul-modul berkenaan. Sebagai contoh, semakan status ketersediaan data *MyRTKnet* pada tahun 2019 dari bulan Januari sehingga Disember boleh dibuat dengan memasukkan tarikh mula sebagai 1 Januari 2019 dan tarikh akhir sebagai 31 Disember 2019. Modul berkenaan kemudiannya akan menjana laporan status ketersediaan data, antaranya, seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 2**. Usaha-usaha berterusan kini dijalankan untuk menambahbaik sistem automasi ini melalui penambahan modul-modul baru, selain mengemaskini kerentatan yang dikesan. Pembangunan automasi pemprosesan menggunakan produk *IGS Final* juga sedang dilaksanakan. **Rajah 6** menunjukkan bilik yang menempatkan komputer pemprosesan di mana pembangunan sistem automasi ini dilaksanakan.



Rajah 6: Bilik dan Komputer Pemrosesan (Kotak Merah) Yang Kini Digunakan Untuk Pembangunan Automasi Pemrosesan Data GNSS Harian

4. KESIMPULAN

Kepentingan infrastruktur *MyRTKnet* di era penggunaan teknologi GNSS dalam bidang ukur dan pemetaan sememangnya tidak dapat dinafikan. Kini, pengguna perkhidmatan ini boleh mendapatkan maklumat koordinat dengan cepat dan tepat menggunakan hanya satu alat penerima GNSS sahaja. Bahagian Ukur Geodetik berperanan untuk memastikan kualiti perkhidmatan *MyRTKnet* berada di tahap yang terbaik. Salah satu langkah yang diambil untuk mencapai matlamat tersebut adalah melalui pemantauan integriti koordinat stesen-stesen *MyRTKnet*. Tugas pemrosesan data GNSS harian menuntut ketekunan daripada pemproses selain melibatkan masa yang panjang untuk dilakukan secara manual. Kekangan tugas-tugas lain menyebabkan pemrosesan lazimnya dilakukan secara berkala. Automasi pemrosesan data GNSS harian ini telah membolehkan pemantauan integriti koordinat stesen-stesen *MyRTKnet* dibuat secara lebih bersistematik. Langkah yang diambil

ini juga bertepatan dengan hasrat pihak Pengurusan JUPEM untuk memacu Jabatan menuju ke arah Revolusi Industri 4.0.

5. RUJUKAN

Boehm, J., Werl, B. dan Schuh, H., 2006. "Troposphere Mapping Functions for GPS and Very Long Baseline Interferometry from European Centre for Medium-Range Weather Forecasts Operational Analysis Data." *Journal of Geophysical Research*, 111(B2), p.B02406.

Hofmann-Wellenhof, Bernhard, L. dan Herbert, Wasle, E., 2008. "GNSS - Global Navigation Satellite Systems." Vienna: Springer Vienna.

Hopfield, H.S., 1969. "Two-Quartic Tropospheric Refractivity Profile for Correcting Satellite Data." *Journal of Geophysical Research*, 74(18).

Kouba, J., 2008. "Implementation and Testing of the Gridded Vienna Mapping Function 1 (VMF1)." *Journal of Geodesy*, 82(2008), pp.193–205.

Leick, A., Rapoport, L. dan Tatarnikov, D., 2015. "GPS Satellite Surveying - Fourth Edition." JohnWiley & Sons, Inc., Hoboken, New Jersey.

Niell, A. E., 1996. "Global Mapping Functions for the Atmosphere Delay at Radio Wavelengths." *Journal of Geophysical Research*, 101, p.3227.

Rizos, C., Janssen, V., Roberts, C. dan Grinter, T., 2012. "Precise Point Positioning: Is the Era of Differential GNSS Positioning Drawing to an End?" In FIG Working Week 2012. pp. 1–17.

Saastamoinen, J., 1973. "Contribution to the Theory of Atmospheric Refraction." *Bulletin Geodesique*, (107), pp.13–34.

Takasu, T., 2009. "RTKLIB: Open Source Program Package for RTK-GPS." FOSS4G 2009 Tokyo, Japan, November 2, 2009

SEMPADAN PERAIRAN MALAYSIA PETA BARU MALAYSIA 1979

Sr Zulkifli bin Sidek, *SME*

Bahagian Ehwal Persempadanan
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

zulkifli.sidek@jupem.gov.my


ABSTRAK

Kertas ini adalah bertujuan untuk menerangkan ciri-ciri Peta Baru Malaysia 1979 (PBM 1979) yang menunjukkan sempadan Perairan Wilayah dan Pelantar Benua Malaysia.


1. LATAR BELAKANG

Dalam keghairahan negara-negara jiran mengisytiharkan tuntutan sempadan perairan negara masing-masing pada sekitar tahun 1960an dan 1970an, pada tahun 1976, Kerajaan Malaysia telah memutuskan supaya satu peta baru yang meliputi perairan Malaysia diterbitkan demi menjaga kedaulatan dan kepentingan negara. Dengan pengisytiharan Akta Dharurat (Kuasa-kuasa Perlu) (Akta 7/1969) dan Akta Pelantar Benua (Continental Shelf Act) 1966, ianya telah menjuruskan ke arah penerbitan PBM 1979 yang terdiri daripada Syit 1 bagi Semenanjung Malaysia **Rajah 1** dan Syit 2 untuk Sabah dan Sarawak **Rajah 2**.

Pengisytiharan dan perwartaan PBM 1979 telah dibuat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah pada 21 Disember 1979 melalui Warta Kerajaan No. 5745. PBM 1979 ini yang menunjukkan sempadan Perairan Wilayah dan juga sempadan Pelantar Benua Malaysia telah disusun dengan menggunakan garisan pangkal lurus keseluruhannya.



Rajah 1 : Syit 1 bagi Semenanjung Malaysia



Rajah 2 : Syit 2 bagi Sabah dan Sarawak

2. PETA BARU MALAYSIA 1979 (PBM 1979)

PBM telah disusun berdasarkan kepada:

- (a) Peruntukan *Geneva Convention on the Territorial Sea and Contiguous Zone 1958*;
- (b) Peruntukan *Geneva Convention on the Continental Shelf 1958*;
- (c) Undang-undang negara yang berkaitan;
- (d) Aspek-aspek teknikal yang berkenaan;
- (e) Perjanjian-perjanjian serta triti-triti yang telah dipersetujui dengan negara-negara jiran; dan
- (f) Tuntutan sepihak (*unilateral claim*) Malaysia.



Malaysia telah menandatangani Konvensyen Undang-Undang Laut 1982 (KUUL 1982) pada 10 Disember 1982 dan telah meratifikasinya pada 14 Oktober 1996. Semasa meratifikasi KUUL 1982, Kerajaan Malaysia telah membuat deklarasi antaranya;

“ Malaysia is also of the view that in accordance with the provisions of the Convention, namely article 56 and article 76, if the maritime area is less [than] or to a distance of 200 nautical miles from the baselines, the boundary for the continental shelf and the exclusive economic zone shall be on the same line (identical)”

3. CIRI-CIRI PBM 1979

Simbol pada PBM 1979 Syit 1 dan Syit 2 menunjukkan Sempadan Perairan Wilayah dan Pelantar Benua adalah seperti di **Rajah 3**.

Skala Semulajadi 1:1,500,000 (Di Garis Lintang U. 5° 30')
 Natural Scale 1:1,500,000 (At Lat. N. 5° 30')



- 1 Skala Peta
- 2 Petunjuk Peta
- 3 Koordinat Geografi Sempadan Perairan Semenanjung Malaysia
- 4 Koordinat Geografi Sempadan Perairan Sabah & Sarawak

Rajah 3 : Syit 1 dan Syit 2 Yang Menunjukkan Sempadan Perairan Wilayah dan Pelantar Benua Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak

4. PENUTUP

PBM 1979 telah digunakan sebagai rujukan dalam pengurusan kedaulatan dan keselamatan maritim yang merangkumi aspek pertahanan negara, penguatkuasaan undang-undang, keselamatan pelayaran dan pengurusan sumber negara. PBM 1979 juga adalah antara bahan rujukan yang telah digunakan semasa rundingan Malaysia dengan negara-negara jiran bagi kawasan maritim yang masih belum dimuktamadkan. Selain daripada itu PBM 1979 adalah juga sebagai bahan rujukan bagi kes-kes mahkamah yang melibatkan pencerobohan kapal-kapal dan nelayan-nelayan asing ke dalam perairan negara.

KAJIAN PENYESUAIAN KAEDAH BACAAN KOORDINAT PETA TOPOGRAFI SIRI T738 UNTUK ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Sr Yeap Wei Chein, SME

Bahagian Geospasial Pertahanan
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

yeap@jupem.gov.my

ABSTRAK

Kemahiran penggunaan peta dan penentuan koordinat merupakan suatu keperluan bagi perancangan dan pelaksanaan operasi-operasi yang dibuat dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Peta yang sentiasa digunapakai oleh ATM adalah Peta Topografi Siri L7030 dan Siri T738 terbitan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Rujukan Grid merupakan kaedah bacaan peta yang digunapakai oleh ATM dalam memberikan maklumat koordinat suatu lokasi di atas peta. Peta siri L7030 menggunakan sistem grid rujukan Malayan Rectified Skew Orthomorphic (MRSO) manakala T738 menggunakan Borneo Rectified Skew Orthomorphic (BRSO). Peta siri T738 mempunyai beberapa ciri khas yang perlu diterjemah dan difahami dalam penggunaannya. Ini kerana terdapat sebahagian kawasan di sekitar Sematan, Sarawak yang mempunyai nilai koordinat negatif iaitu kawasan lembar 5012 Kampung Biawak, 5013 Kampung Pueh dan 5014 Kampung Teluk Melano. Perkara ini telah menimbulkan kekeliruan di dalam penyampaian maklumat penting dalam perancangan dan pelaksanaan suatu tugas ATM. Kertas kajian ini menyentuh berkenaan verifikasi di lapangan dan penyesuaian kaedah bacaan koordinat untuk lembar-lembar T738 tersebut dalam pengoperasian dan latihan ATM.

1. PENGENALAN

Peta merupakan elemen penting di dalam pengoperasian ketenteraan. Setiap anggota tentera perlu mahir dalam mengenali dan membaca peta. Kemahiran ini memudahkan tafsiran kedudukan sesuatu titik atau butiran untuk dikenalpasti di atas peta berbanding dengan kedudukannya yang sebenar di atas permukaan bumi dan sebaliknya. Ia penting bagi melancarkan pelaksanaan pelbagai perancangan yang telah dibuat. Setiap


perkhidmatan di dalam ATM menggunakan peta yang berlainan. Kertas kajian ini akan lebih memfokuskan kepada peta yang digunakan di dalam perkhidmatan Tentera Darat Malaysia (TDM).

Terdapat pelbagai jenis peta yang digunakan dalam TDM. Antaranya adalah peta topografi, peta fizikal, peta politikal dan peta tematik. Peta Topografi merupakan peta yang menjadi kegunaan utama dalam TDM. Peta ini sering digunakan dalam menjalankan operasi-operasi atau latihan. Selain itu, modul latihan penggunaan peta juga disediakan di dalam kursus asasi TDM. Peta ini juga dapat menunjukkan pelbagai maklumat berdasarkan skala dengan memberi suatu gambaran yang penuh dan tepat berkenaan keadaan muka bumi di suatu kawasan yang berkaitan.


Antara kegunaan peta di dalam perkhidmatan TDM adalah menentukan rujukan grid (GR), mengukur jarak, mencari titik persilangan (*intersection*) dan silangalikan (*resection*), menentukan kedudukan saling pandang dan melaksanakan pandu arah. Rujukan grid ialah nilai koordinat untuk penentuan kedudukan titik di atas peta samada mengenai kedudukan sendiri atau musuh. Pengukuran jarak adalah penting untuk merancang kedudukan penempatan senjata semasa pertahanan ataupun serangan. Persilangan adalah teknik mencari lokasi sesuatu sasaran yang tidak diketahui gridnya manakala silangalikan pula adalah teknik menentukan kedudukan sendiri dengan menggunakan dua atau lebih objek statik yang mudah dikenalpasti di atas peta. Saling pandang pula adalah untuk memastikan kedudukan dua (2) titik adalah saling nampak sebagaimana kedudukan sebenar di atas tanah dan di atas peta. Pelaksanaan pandu arah adalah bagi tujuan memilih arah pergerakan ke sesuatu destinasi dalam masa yang minimum tanpa kesukaran. Kemahiran menentukan rujukan grid adalah penting bagi memudahkan pemahaman di dalam penggunaan peta. Tafsiran rujukan grid yang cepat dan tepat sangat membantu pihak ATM bagi menjayakan pelbagai perancangan yang dibuat dan dilaksanakan berasaskan peta topografi.

Nombor rujukan grid digunakan untuk merujuk satu-satu titik di atas peta. Bacaan grid di dalam TDM adalah dalam enam (6) angka. Tiga (3) angka pertama adalah nilai grid ketimuran (paksi X) manakala tiga (3) angka seterusnya adalah nilai grid keutaraan (paksi Y). Bacaan grid TDM ini mengambil kira ketepatan koordinat sehingga 100 m sahaja. Merujuk kepada **Rajah 1**, kedudukan titik P boleh diukur dengan memberi jumlah jarak ke

kanan dari $x - x'$ dan ke atas dari $y - y'$. Jarak atau garisan ketimuran $x - x'$ mestilah diambil dahulu dan diikuti bacaan garisan keutaraan $y - y'$. Kedua-dua bacaan tersebut kemudian digabungkan bagi mengesahkan bacaan grid titik P. TDM juga mempraktikkan bacaan grid empat (4) angka (bacaan petak peta).




Rajah 1: Rujukan Grid



Rajah 2: Bacaan Grid Empat (4) Angka

Rajah 2 menunjukkan kedudukan titik A dan B. Titik A adalah ke timur sedikit dari nilai grid 73 dan ke utara sedikit dari nilai grid 33. Maka, Titik A terletak dalam petak **7333** manakala Titik B dalam petak **7732**. Untuk mendapat bacaan grid enam (6) angka, setiap petak grid dibahagi kepada 10 sengat seperti di **Rajah 3**. Setiap sengat adalah bersamaan 100 m. Maka, bacaan grid Titik A adalah 763321 manakala Titik B adalah 766325.




Rajah 3: Bacaan Grid Enam (6) Angka

Pasukan ATM yang bertugas di lapangan turut menggunakan alat *handheld Global Positioning System (GPS)* bersama-sama dengan peta topografi. Alat ini membantu mereka dalam penentuan kedudukan sesuatu lokasi di peta dan lapangan dengan ketepatan sehingga tiga (3) ke lima (5) m. Pada kebiasaannya, alat ini akan diguna dengan menetapkan sistem

koordinat kepada *Malayan Rectified Skew Orthomorphic (MRSO)* Kertau / *Borneo Rectified Skew Orthomorphic (BRSO)* Timbalai. Penetapan ini adalah seiring dengan kaedah bacaan grid yang dipraktikkan oleh ATM.

2. TUJUAN KAJIAN

Cawangan Risik Markas (MK) 3 Briged di Kuching, Sarawak telah memaklumkan kepada JUPEM melalui Bahagian Geospatial Pertahanan (BGSP), pada 26 Ogos 2019 bahawa terdapat ralat pada bacaan grid di dalam peta topografi siri T738. Lembar-lembar peta yang terlibat adalah lembar 5012 - Kampung Biawak, 5013 - Kampung Pueh dan 5014 - Kampung Teluk Melano. Cawangan tersebut memaklumkan bahawa bacaan nombor grid pada peta tidak mengikut urutan (rujuk **Rajah 4** di bawah). Selain daripada itu, dimaklumkan juga bahawa alat *handheld* GPS mereka tidak memaparkan sebarang nilai ketika berada di kawasan tersebut dengan tetapannya *Position Format Borneo RSO* dan *Map Datum Timbalai 1968* (rujuk **Rajah 5** di bawah). Kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti punca dan mencari penyelesaian kepada isu-isu tersebut.



Rajah 4: Perbandingan Bacaan Grid



Rajah 5: Tiada Paparan Nilai Koordinat di Dalam Handheld GPS Ketika Berada di Kawasan Sekitar Semantan, Negeri Sarawak

3. OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah:

- i. Menyelesaikan masalah penggunaan bacaan rujukan grid Peta Topografi Siri T738 secara manual bagi kawasan yang mempunyai nilai ketimuran negatif; dan
- ii. Menyelesaikan masalah penggunaan alat *handheld* GPS yang memaparkan koordinat dalam BRSO bagi kawasan yang mempunyai nilai ketimuran negatif.

4. PELAKSANAAN VERIFIKASI KOORDINAT DI SEKITAR SEMATAN, NEGERI SARAWAK

Pada 24 November 2019, pasukan BGSP telah melawat ke Sematan, Negeri Sarawak untuk melaksanakan verifikasi koordinat susulan daripada permohonan MK 3 Briged. Ujian verifikasi ini telah dilaksanakan di kawasan sekitar Tanjung Datu dan Kampung Teluk Melano, Sematan, Negeri Sarawak. Lembar Peta Topografi Siri T738 yang terlibat adalah Lembaran 5012 (Kampung Biawak), Lembaran 5013 (Kampung Pueh) dan Lembaran 5014 (Kampung Teluk Melano). Sebahagian daripada kawasan di dalam lembar yang terlibat mempunyai koordinat ketimuran bernilai negatif (rujuk **Rajah 11, 12 dan 13**).

4.1 Peralatan Yang Digunakan

- i. *Handheld GPS* model *Garmin 64s*;
- ii. *Global Navigation Satellite System (GNSS) Receiver* model *Trimble R10*; dan
- iii. Peta Topografi Siri T738 Lembar 5012, 5013 dan 5014.

4.2 Kaedah Verifikasi

Tanda-tanda rujukan kekal dan sementara JUPEM berikut telah dipilih sebagai tanda rujukan ujian cerapan verifikasi:

No.	Tanda Rujukan	No.	Tanda Rujukan
1.	A54 (Tanda Sempadan Antarabangsa Malaysia-Indonesia)	6.	NP03 (Piket)
2.	A55 (Tanda Sempadan Antarabangsa Malaysia-Indonesia)	7.	R10 11 (Piket)
3.	Penghujung Tg. Datu (Piket)	8.	R10 12 (Piket)
4.	NP01 (Piket)	9.	R10 13 (Piket)
5.	NP02 (Piket)	10.	R10 14 (Piket)



Rajah 6: Kawasan Ujian Verifikasi Koordinat Negatif di Sekitar Telok Melano, Sematan, Negeri Sarawak



Rajah 7: Taburan Enam (6) Tanda Rujukan Yang Dicerap di Sekitar Telok Melano, Sematan, Negeri Sarawak



Rajah 8: Taburan Empat (4) Tanda Rujukan Yang Dicerap di Sekitar Telok Melano, Sematan, Negeri Sarawak

Kesemua 10 tanda rujukan telah dicerap melalui peralatan *handheld GPS* dan *GNSS Receiver* sebanyak dua (2) sesi dengan cerapan selama 20 minit bagi setiap sesi dan kemudiannya dibuat pasca pemprosesan secara *Virtual RINEX* berhubung dengan jaringan *MyRTKnet*. Nilai-nilai koordinat yang diperolehi

seterusnya dibuat proses transformasi koordinat dari *World Geodetic System 1984 (WGS84)* ke *Geodetic Datum of Malaysia 2000 (GDM2000)* dan unjuran peta dari *GDM2000* ke *BRSO GDM2000* dan sebaliknya. Hasil yang diperoleh adalah seperti di **Jadual 1**.



Rajah 9: Bacaan Secara Manual bagi Rujukan Grid Peta Topografi Indeks Syit 5014 Semantan dan Paparan Bacaan Nilai Koordinat GPS Pada Alat Handheld GPS di Lapangan



Rajah 10: Tanda Sempadan Antarabangsa Malaysia-Indonesia A54 & A55

Jadual 1: Hasil Nilai Koordinat Cerapan Di Lapangan Setelah Melalui Proses Transformasi Datum dan Unjuran


ID	BT (Timbalai)						BRSO Old			WGS					
	Lat, Deg	Lat, Min	Lat, Sec	Long, Deg	Long, Min	Long, Sec	Eastng, m	Northing, m		Lat, Deg	Lat, Min	Lat, Sec	Long, Deg	Long, Min	Long, Sec
JUPEMA55	2	0	18.42400	109	37	36.71400	-6504.60400	221713.08600		2	0	16.25661	109	37	50.01835
JUPEMA54	2	0	24.08099	109	37	32.66900	-6629.56900	221886.91100		2	0	21.91322	109	37	45.97390
PENGHUJUNG TG DATU	2	0	34.33117	109	38	18.35078	-5217.59716	222201.37433		2	0	32.16240	109	38	31.65000
NP01	2	0	21.69403	109	37	34.41807	-6575.53339	221813.56568		2	0	19.52640	109	37	47.72280
NP02	2	0	21.45642	109	37	34.68810	-6567.18967	221806.26342		2	0	19.28880	109	37	47.99280
NP03	2	0	26.16906	109	37	19.29252	-7042.97438	221951.18493		2	0	24.00120	109	37	32.59920
R10 11	2	0	33.96574	109	38	18.91895	-5200.04018	222190.14267		2	0	31.79699	109	38	32.21810
R10 12	2	0	23.96351	109	38	12.07327	-5411.71097	221882.93161		2	0	21.79550	109	38	25.37323
R10 13	2	0	21.93199	109	38	12.39945	-5401.64863	221820.51891		2	0	19.76412	109	38	25.69936
R10 14	2	0	21.40410	109	37	34.59500	-6570.06763	221804.65716		2	0	19.23649	109	37	47.89971

ID	GDM						BRSO GDM			CATATAN
	Lat, Deg	Lat, Min	Lat, Sec	Long, Deg	Long, Min	Long, Sec	Eastng, m	Northing, m		
JUPEMA55	2	0	16.23666	109	37	50.01312	-6127.85594	221662.46724		JUPEM Sarawak
JUPEMA54	2	0	21.89327	109	37	45.96867	-6252.82051	221836.29337		JUPEM Sarawak
PENGHUJUNG TG DATU	2	0	32.14245	109	38	31.64478	-4840.83995	222150.74983		Garmin 64S
NP01	2	0	19.50645	109	37	47.71757	-6198.78283	221762.94659		Garmin 64S
NP02	2	0	19.26885	109	37	47.98757	-6190.43912	221755.64426		Garmin 64S
NP03	2	0	23.98126	109	37	32.59397	-6666.22477	221900.56864		Garmin 64S
R10 11	2	0	31.77704	109	38	32.21288	-4823.28296	222139.51804		Trimble R10
R10 12	2	0	21.77555	109	38	25.36801	-5034.95602	221832.30698		Trimble R10
R10 13	2	0	19.74417	109	38	25.69413	-5024.89395	221769.89401		Trimble R10
R10 14	2	0	19.21654	109	37	47.89448	-6193.31710	221754.03801		Trimble R10

5. PENEMUAN KAJIAN

5.1 Bacaan Rujukan Grid


Rajah 11, 12 dan 13 di bawah menunjukkan keadaan di mana terdapat nilai ketimuran negatif Peta Topografi Siri T738.



Rajah 11: Topografi Siri T738 Lembar 5012 (Kampung Biawak)




Rajah 12: Topografi Siri T738 Lembar 5013 (Kampung Pueh)



Rajah 13: Topografi Siri T738 Lembar 5014 (Kampung Teluk Melano)

Bacaan grid yang berada di sebelah kanan paksi-Y (garisan menegak) adalah bernilai positif (Timur) manakala grid yang berada di sebelah kiri paksi-Y adalah bernilai negatif (Barat). Bacaan nilai positif adalah menaik dari kiri ke kanan manakala bacaan nilai negatif menaik dari kanan ke kiri seperti berikut:



Rajah 14: Pembahagian Zon Bacaan Nilai Koordinat Positif dan Negatif

5.2 Tetapan Alat *Handheld* GPS

Tetapan *default* di dalam peralatan *handheld* GPS adalah seperti berikut;

Position Format : hddd° mm' ss.s"
Map Datum : WGS84
Map Spheroid : WGS84

Tetapan untuk memaparkan koordinat dalam grid Borneo RSO yang digunakan sekarang adalah seperti berikut:

Position Format : Borneo RSO
Map Datum : Timbalai 1948
Map Spheroid : Everest (Sarawak)


Tetapan ini didapati hanya terpakai di Zon Timur sahaja (kawasan nilai ketimuran positif). Ia tidak memberikan atau memaparkan bacaan ketika berada di Zon Barat (kawasan nilai ketimuran negatif).

6. CADANGAN PENYELESAIAN

Penyesuaian kaedah dan cara bacaan koordinat yang dipraktikkan oleh ATM khususnya TDM perlu dikaji semula dengan mengambilkira kawasan Zon Baratan yang bernilai negatif.


6.1 Bacaan Rujukan Grid

Kaedah atau cara pembacaan rujukan grid adalah bergantung kepada kedudukan titik yang terletak di Zon Timuran atau Zon Baratan. Sekiranya ia terjatuh di Zon Timuran bernilai positif maka cara bacaan grid adalah menaik dari kiri ke kanan manakala bacaan grid bernilai negatif atau Zon Baratan adalah menaik dari kanan ke kiri rujuk **Rajah 15** di bawah.



Rajah 15: Rujukan Grid Zon Barat (Negatif) dan Zon Timur (Positif)

Merujuk kepada **Rajah 16** di bawah, bacaan GR bagi titik merah sepatutnya adalah **GR - 012750** atau **GR B012750** dan bukannya **GR 012750**. Sekiranya bacaan GR tidak menandakan bersama tanda ' - ' atau ' **B** ', maka ia akan dianggap berada pada lokasi yang bertanda titik hitam. Pihak ATM perlu sentiasa berwaspada apabila menjalankan sebarang operasi di kawasan-kawasan ini supaya bacaan grid yang betul dipraktikkan.



Rajah 16: Cara Bacaan GR Bagi Titik Merah Dan Titik Hitam

6.2 Tetapan Alat *Handheld* GPS

Untuk tetapan bacaan koordinat *BRSO* seperti mana nilai di dalam Peta Topografi Siri T738, pengguna perlu memasukkan tetapan seperti berikut:

Position Format : User Grid dengan tetapan
False Easting = 0
False Northing = 0
 Skala = 0.99984
 Longitud Origin = E109° 41.131'
 (rujukan kepada *EPSG 29873*: E109° 41' 07.8727")

Map Datum : Timbalai 1948
Map Spheroid : Everest (Sarawak)



Rajah 17: Tetapan Yang Dicadang dan Hasilnya

7. RUMUSAN

Kejayaan dalam setiap perancangan sesuatu misi ketenteraan adalah berhubungkait dengan peta. Peta menjadi peralatan penting bagi memastikan musuh dapat ditewaskan. Ketepatan menyerang musuh menggunakan senjata adalah di atas maklumat lokasi yang tepat yang diberi. Justeru bagi memastikan nilai koordinat yang diberikan adalah tepat, cara pembacaan koordinat rujukan grid yang betul dan tetapan sistem rujukan yang bersesuaian di dalam peralatan *handheld GPS* amatlah penting. Pendedahan dan penerapan khusus berkenaan bacaan peta dan sistem koordinat merupakan langkah penting bagi menzahirkan pemahaman di dalam penggunaan peta. Perkara ini perlu diberi perhatian untuk menjayakan keberkesanan penyampaian maklumat dan kelancaran perancangan yang berasaskan penggunaan peta di dalam ATM.

**PEREKAYASAAN KAEDAH UJIAN EDM DENGAN MENGGUNAKAN
KAEDAH YANG MENGABUNGKAN REKA BENTUK
TAPAK UJIAN BERSAMA
KAEDAH ANALISIS KUASA DUA TERKECIL**

Sr Looi Kam Seng, SME¹ dan Sr Dr. Azlan bin Yahya²

¹ Bahagian Kadaster

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

looi@jupem.gov.my

² Sr Dr. Azlan bin Yahya,

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

azlan@pysb.edu.my

ABSTRAK

Reka bentuk posisi Tapak Ujian Electronic Distance Measurement (EDM) sedia ada yang berpandukan tapak ujian yang direka bentuk pada tahun 1972 hanya bersesuaian dengan EDM ketika itu yang menggunakan gelombang mikro. EDM model baharu masa kini menggunakan gelombang inframerah dan gelombang cahaya tampak. Kos pembinaan dan penyelenggaraan Tapak Ujian EDM yang tinggi serta kaedah ujian EDM yang berpandukan purata selisih malar dengan cara membandingkan bacaan jarak yang dicerap oleh alat tersebut dengan jarak piawai tapak ujian adalah tidak telus dan boleh dimanipulasikan.

Kertas ini mengemukakan kaedah ujian EDM yang menggabungkan reka bentuk tapak ujian bersama analisis kuasa dua terkecil bagi menilai ketepatan EDM sebagaimana yang dinyatakan dalam manual spesifikasi alat. Nilai reja dan selisih piawai yang diperolehi daripada analisis kuasa dua terkecil adalah merupakan keputusan penilaian ke atas ketepatan EDM tersebut. Diharap reka bentuk dan kaedah analisis yang dicadangkan ini akan dapat menambah baik proses ujian EDM masa ini.

1. LATAR BELAKANG

Reka bentuk posisi Tapak Ujian *EDM* sedia ada yang berpandukan tapak ujian yang direka bentuk pada tahun 1972 hanya bersesuaian dengan *EDM* ketika itu yang menggunakan gelombang mikro. *EDM* model baharu masa kini menggunakan gelombang inframerah dan gelombang cahaya tampak. Kos pembinaan dan penyelenggaraan Tapak Ujian *EDM* yang tinggi serta kaedah ujian *EDM* yang berpandukan purata selisih malar dengan cara membandingkan bacaan jarak yang dicerap oleh alat tersebut dengan jarak piawai tapak ujian adalah tidak telus dan boleh dimanipulasikan. Laporan ini mengemukakan kaedah ujian *EDM* yang menggabungkan reka bentuk tapak ujian bersama analisis kuasa dua terkecil bagi menilai ketepatan *EDM* sebagaimana yang dinyatakan dalam manual spesifikasi alat (Ketepatan Pengilang). Nilai reja dan selisih piawai bagi reja yang diperolehi daripada analisis kuasa dua terkecil adalah merupakan keputusan penilaian ke atas ketepatan *EDM* tersebut. Diharap reka bentuk dan kaedah analisis yang dicadangkan ini akan dapat menambah baik proses ujian *EDM* masa ini.

2. TEKNIK ANALISIS STATISTIK KUASA DUA TERKECIL YANG DIGUNAPAKAI

Daripada model matematik $F = AXF = AX$, maka ianya diolah kepada bentuk $V = AX - FV = AX - F$ (di mana V adalah nilai reja, A adalah matrik pekali, X adalah pemboleh ubah dan F adalah jarak cerapan). Nilai Selisih Tetap/Selisih Sifar (*Constant Error*) yang wujud pada selisih gabungan berpunca dari alat *EDM* dan prismanya juga dimasukkan ke dalam persamaan cerapan sebagai $X5$, dengan itu persamaan matematik dapat disusun kepada persamaan cerapan 1 hingga cerapan 20 seperti **Jadual 1**. Manakala Selisih Kitaran (*Cyclic Error*) adalah terlalu kecil atau sama iaitu di bawah nilai ± 0.2 mm (Brown et al, 2003) dan boleh diabaikan bagi semua jenis alat *EDM* masa kini.

3. PENGUMPULAN DAN PEMROSESAN DATA

a. Peringkat Persediaan

Kajian melibatkan cerapan terhadap empat (4) segmen jarak dengan lima (5) *pillar* sedia ada berdasarkan keperluan minimum ujian iaitu jarak sepanjang 300 m. Bagi

tujuan itu, sampel jarak dipilih adalah jarak lima (5) *pillar* kalibrasi sedia ada sebagai data uji kaji. *Pillar* yang dipilih merupakan *pillar* sedia ada Tapak Kalibrasi EDM Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) di seluruh Malaysia. Dalam kajian ini, sebanyak 15 JUPEM Negeri/Bahagian termasuk Negeri Sabah dan Sarawak terlibat dalam menjalankan kutipan data yang melibatkan 17 Tapak Ujian EDM sedia ada JUPEM.

Jadual 1: Model Matriks Dua Puluh Persamaan Cerapan

$$\begin{bmatrix} V_1 \\ V_2 \\ V_3 \\ V_4 \\ V_5 \\ V_6 \\ V_7 \\ V_8 \\ V_9 \\ V_{10} \\ V_{11} \\ V_{12} \\ V_{13} \\ V_{14} \\ V_{15} \\ V_{16} \\ V_{17} \\ V_{18} \\ V_{19} \\ V_{20} \end{bmatrix} = \begin{bmatrix} 1 & 0 & 0 & 0 & 1 \\ 1 & 1 & 0 & 0 & 1 \\ 1 & 1 & 1 & 0 & 1 \\ 1 & 1 & 1 & 1 & 1 \\ 1 & 0 & 0 & 0 & 1 \\ 0 & 1 & 0 & 0 & 1 \\ 0 & 1 & 1 & 0 & 1 \\ 0 & 1 & 1 & 1 & 1 \\ 1 & 1 & 0 & 0 & 1 \\ 0 & 1 & 0 & 0 & 1 \\ 0 & 0 & 1 & 0 & 1 \\ 0 & 0 & 1 & 1 & 1 \\ 1 & 1 & 1 & 0 & 1 \\ 0 & 1 & 1 & 0 & 1 \\ 0 & 0 & 1 & 0 & 1 \\ 0 & 0 & 0 & 1 & 1 \\ 1 & 1 & 1 & 1 & 1 \\ 0 & 1 & 1 & 1 & 1 \\ 0 & 0 & 1 & 1 & 1 \\ 0 & 0 & 0 & 1 & 1 \end{bmatrix} \begin{bmatrix} X_1 \\ X_2 \\ X_3 \\ X_4 \\ X_5 \end{bmatrix} - \begin{bmatrix} F_1 \\ F_2 \\ F_3 \\ F_4 \\ F_5 \\ F_6 \\ F_7 \\ F_8 \\ F_9 \\ F_{10} \\ F_{11} \\ F_{12} \\ F_{13} \\ F_{14} \\ F_{15} \\ F_{16} \\ F_{17} \\ F_{18} \\ F_{19} \\ F_{20} \end{bmatrix}$$

Di mana:

X_1, X_2, X_3 dan X_4 = Selisih Skalar (*Scale Error*)

X_5 = Selisih Tetap/Sifar (*Constant /Zero Error*)

Selisih Kitaran (*Cyclic Error*) diabaikan kerana terlalu kecil

b. Peringkat Kutipan Data Di Lapangan

Proses kutipan data telah dijalankan oleh setiap JUPEM Negeri termasuk Bahagian Pemetaan Topografi Sabah dan Sarawak. Pada dasarnya kutipan data merangkumi dua (2) ujian iaitu Ujian 1 menggunakan lima (5) *pillar* yang mewajibkan ujian pengukuran jarak di *Pillar* 1 dan *Pillar* 10 di tapak ujian yang jarak maksimumnya 300 m atau lebih, manakala Ujian 2 yang melibatkan lima (5) *pillar* juga adalah untuk

kutipan data jarak *pillar* yang kurang dari 300 m. Pengutipan data melibatkan pemilihan lima (5) *pillar* ukur yang membentuk empat (4) jarak.

c. Peralatan Dan Tapak Kajian Kalibrasi

Sebanyak 37 buah alat *EDM* Jabatan digunakan sebagai alat uji kaji dengan 17 buah Tapak Ujian Kalibrasi *EDM* sebagai tapak ujian dalam kajian ini seperti senarai dalam **Jadual 2**. Setiap alat mempunyai ketepatan pengilang yang diberikan dalam manual spesifikasi alat tersebut antaranya ± 1.5 mm +2 ppm hingga ± 3 mm +2 ppm. Ianya direkodkan sebagai penanda aras ketepatan alat yang akan diuji.

Jadual 2: Senarai Tapak Kalibrasi Alat Mengikut Negeri dan Alat *EDM* yang Digunakan

Bil	Negeri	Tapak Ujian	No. Ujian	Model Alat	No. Siri	Ketepatan Alat-Pengilang (mm)
1	Johor	Taman Permas	1	TOPCON ES-105	GZ8671	± 2 mm + 2ppm
			2	TOPCON ES-105	GZ8671	± 2 mm + 2ppm
		UTHM, Batu Pahat	1	TOPCON ES-105	GZ8216	± 2 mm + 2ppm
2	Kedah	Jalan Kilang Lama, Kulim	1	TOPCON ES-105	GZ8693	± 2 mm+2ppm
			2	TOPCON ES-105	GZ8693	± 2 mm+2ppm
			1	LEICA TS 06 PLUS	1364315	± 1.5 mm+2ppm
			2	LEICA TS 06 PLUS	1364315	± 1.5 mm+2ppm
			1	TOPCON GPT 3005W	3Y1901	± 3 mm+2ppm
			1	TOPCON GPT 3005W	3Y1931	± 3 mm+2ppm
3	Kelantan	KADA Resort Melur, Kota Baharu	1	TOPCON ES-105	GZ8645	± 2 mm+2ppm
			2	LEICA TS 06 PLUS	GZ8651	± 1.5 mm+2ppm
4	N. Sembilan	Jalan Hj. Mohamad Said	1	TOPCON ES-105	GZ8611	± 2 mm+2ppm
5	Pahang	Taman Seri Semantan, Temerloh	1	LEICA TS 06 PLUS	1363271	± 1.5 mm+2ppm
			2	LEICA TS 06 PLUS	1363271	± 1.5 mm+2ppm
		KOMTUR Indera Mahkota, Kuantan	1	LEICA TS 06 PLUS	1363286	± 1.5 mm+2ppm
			2	LEICA TS 06 PLUS	1363286	± 1.5 mm+2ppm
6	Perak	Kelab Golf Kinta, Batu Gajah	1	TOPCON ES-105	GZ8744	± 2 mm+2ppm
			2	TOPCON ES-105	GZ8744	± 2 mm+2ppm
			1	LEICA TS 06 PLUS	1365180	± 1.5 mm+2ppm
			2	LEICA TS 06 PLUS	1365180	± 1.5 mm+2ppm
			1	LEICA TS 06 PLUS	136064	± 1.5 mm+2 ppm
			2	LEICA TS 06 PLUS	136064	± 1.5 mm+2 ppm
			1	TOPCON ES-105	GZ8647	± 2 mm+2 ppm

Bil	Negeri	Tapak Ujian	No. Ujian	Model Alat	No. Siri	Ketepatan Alat-Pengilang (mm)
			2	TOPCON ES-105	GZ8647	±2 mm+2 ppm
		Taman Tasik, Taiping	1	TOPCON ES-105	GZ8628	±2 mm+2 ppm
			2	TOPCON ES-105	GZ8628	±2 mm+2 ppm
7	Perlis	Sg. Batu Pahat	1	TOPCON ES-105	GZ8608	±2 mm+2 ppm
			2	TOPCON ES-105	GZ8608	±2 mm+2 ppm
8	Pulau Pinang	Padang Polo, Jalan Sepoi Lines	1	LEICA TS 06 PLUS	1363058	±1.5 mm+2 ppm
			2	LEICA TS 06 PLUS	1363058	±1.5 mm+2 ppm
9	Sabah	Kg. Andus Papar, Kota Kinabalu	1	TOPCON GPT3007LW	8Z0090	±3 mm+2 ppm
			2	TOPCON GPT3007LW	8Z0090	±3 mm+2 ppm
10	Sarawak	Balai Ringin, Serian	1	TOPCON GPT3007LW	8Z0067	±3 mm+2 ppm
			2	TOPCON GPT3007LW	8Z0067	±3 mm+2 ppm
			1	TOPCON GPT3007LW	8Z0068	±3 mm+2 ppm
			2	TOPCON GPT3007LW	8Z0068	±3 mm+2 ppm
			1	TOPCON GPT3007LW	8Z0072	±3 mm+2 ppm
			2	TOPCON GPT3007LW	8Z0072	±3 mm+2 ppm
			1	TOPCON ES-101	GW0059	±2 mm+2 ppm
			2	TOPCON ES-101	GW0059	±2 mm+2 ppm
			1	TOPCON ES-101	GW0061	±2 mm+2 ppm
			2	TOPCON ES-101	GW0061	±2 mm+2 ppm
11	WP Kuala Lumpur	Seksyen 6, Shah Alam	1	TOPCON ES-105	GZ8848	±2 mm+2 ppm
			1	TOPCON ES-105	GZ8640	±2 mm+2 ppm
			1	TOPCON ES-105	GZ8804	±2 mm+2 ppm
			1	TOPCON ES-105	GZ8600	±2 mm+2 ppm
12	Selangor	Seksyen 6, Shah Alam	1	TOPCON ES-105	GZ8665	±2 mm+2 ppm
			1	TOPCON ES-105	GZ8623	±2 mm+2 ppm
			2	TOPCON ES-105	GZ8623	±2 mm+2 ppm
			1	TOPCON ES-105	GZ9842	±2 mm+2 ppm
			1	TOPCON GPT3005W	3Y1963	±3 mm+2 ppm
13	Terengganu	Tanjung Jara, Dungun	1	TOPCON ES-105	GZ8783	±2 mm+2 ppm
			2	TOPCON ES-105	GZ8783	±2 mm+2 ppm
14	WP Labuan	Lapangan Terbang TUDM, Labuan	1	LEICA TS 06 PLUS	1363270	±1.5 mm+2 ppm
			1	TOPCON ES-105	GZ8809	±2 mm+2 ppm
			1	TOPCON ES-105	GZ8619	±2 mm+2 ppm
15	Melaka	Kawasan Perindustrian, Ayer Keroh	1	LEICA TS 06 PLUS	1363519	±1.5 mm+2 ppm
			1	TOPCON ES-105	GZ8708	±1.5mm+2 ppm

d. **Peringkat Pemrosesan Data**

Hasil kutipan data bagi 37 alat ukur EDM dari 15 JUPEM Negeri/Bahagian dijadikan sebagai input di dalam modul *MsExcel/LSA* yang dibangunkan oleh pihak Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim sebagaimana yang ditunjukkan dalam **Rajah 1**.

	A	B	C	D	E	F	G
1							
2		Pilar P1	P1 – P2	P1 – P3	P1 – P4	P1- P5	
3		1	49.0020	125.0140	201.0020	300.0010	
4		2	49.0020	125.0140	201.0020	300.0010	
5		3	49.0010	125.0140	201.0020	300.0010	
6		4	49.0020	125.0150	201.0020	300.0010	
7		Purata	49.0018	125.0143	201.0020	300.0010	
8							
9		Pilar P2	P2 – P1	P2 – P3	P2 – P4	P2- P5	
10		1	49.0020	76.0010	152.0000	250.9980	
11		2	49.0020	76.0010	152.0000	250.9980	
12		3	49.0020	76.0010	152.0000	250.9980	
13		4	49.0020	76.0010	152.0000	250.9980	
14		Purata	49.0020	76.0010	152.0000	250.9980	
15							
16		Pilar P3	P3 – P1	P3 – P2	P3 – P4	P3- P5	
17		1	125.0140	76.0120	75.9870	174.9860	
18		2	125.0150	76.0120	75.9880	174.9860	
19		3	125.0150	76.0120	75.9870	174.9860	
20		4	125.0140	76.0120	75.9870	174.9860	
21		Purata	125.0145	76.0120	75.9873	174.9860	
22							
23		Pilar P4	P4 – P1	P4 – P2	P4 – P3	P4- P5	
24		1	201.0030	152.0000	75.9870	98.9990	
25		2	201.0030	152.0000	75.9870	98.9990	
26		3	201.0020	152.0000	75.9870	98.9990	
27		4	201.0030	152.0000	75.9870	98.9990	
28		Purata	201.0028	152.0000	75.9870	98.9990	

Rajah 1: Data Cerapan Sebagai Input Ujian Kalibrasi LSA

e. **Dapatan Hasil Ukuran**

Dapatan hasil ukuran merupakan ketepatan ukuran (mm) bagi setiap alat yang diuji yang merangkumi Selisih Skala (X1, X2, X3 dan X4) serta Selisih Tetap/Sifar X5. Laporan Reja (V_n) bagi setiap cerapan segmen *pillar* juga diperolehi manakala sisihan piawai (*standard deviation*) bagi reja bagi keseluruhan reja yang diperolehi dapat dihitung sebagai hasil analisis ketetapan alat tersebut.

4. ANALISIS DAN PERSEMBAHAN DATA

a. Perbandingan antara Ketetapan Pengilang dan Dapatan Hasil Ujian

Data-data yang di proses dipersembahkan dalam bentuk Sisihan Piawai setiap Reja (V) berdasarkan cerapan segmen jarak yang diperolehi seperti **Jadual 3**.

Jadual 3: Maklumat Reja (V) Setiap Bacaan dari Bacaan 1 hingga 20 Diwakili oleh Reja V1 Hingga V20

		Q31																		
		A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	P	Q	R	S	T
1																				
2																				
3																				
4																				
5																				
6																				
7																				
8																				
9																				
10																				
11																				
12																				
13																				
14																				
15																				
16																				
17																				
18																				
19																				
20																				
21																				
22																				
23																				
24																				
25																				

		Q31																		
		A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	P	Q	R	S	T
3																				
4																				
5																				
6																				
7																				
8																				
9																				
10																				
11																				
12																				
13																				
14																				
15																				
16																				
17																				
18																				
19																				
20																				
21																				
22																				
23																				
24																				
25																				

Reja (V) yang dihasilkan dapat menunjukkan selisih cerapan bagi setiap bacaan jarak segmen yang dihasilkan. Nilai-nilai V1 hingga V20 membolehkan sesuatu selisih cerapan berlaku dikenal pasti di dalam ujian yang dijalankan. Dari selisih 20 reja tersebut, ketepatan alat dapat disimpulkan dengan menghitung sisihan piawai (*standard deviation*) bagi reja sebagaimana yang ditunjukkan dalam **Jadual 4**.

Jadual 4: Sisihan Piawai (*Standard Deviation*) bagi Reja

Z	AA	AB	AC	AD
V		VTV		VTV/n-u
0.0003600		0.0000881		0.0000055
-0.0011050				
0.0008050				
0.0018150				
0.0001100				
0.0076350				
-0.0017050				
0.0003050				
-0.0013550				
-0.0033650				
0.0000100				
0.0012700				
0.0000550				
-0.0017050				
0.0002600				
-0.0013900				
-0.0006850				
-0.0006950				
0.0002700				
-0.0008900		0.002153302		

b. Analisis Ketepatan

Analisis terhadap ketepatan dibuat dengan perbandingan nilai Ketepatan Pengilang yang diperolehi daripada manual spesifikasi (*TOPCON, LEICA*) dengan nilai ketepatan ukuran alat yang dihitung melalui sisihan piawai bagi reja cerapan. Analisis ketepatan ini juga dipengaruhi oleh nilai reja segmen jarak yang dicerap di lapangan.

c. Perbandingan antara Ketepatan Pengilang Dengan Ketepatan Cerapan Alat

Analisis perbandingan hasil kejituan alat bagi 37 buah alat dijana dari program *MsExcel* yang dibentuk menunjukkan hasil ujian seperti **Jadual 5**. Daripada jadual hasil cerapan, didapati 7 daripada 59 cerapan yang dilaksanakan telah mencatatkan sisihan siawai yang tinggi. Sisihan Piawai yang tinggi ini terjadi disebabkan nilai reja antara V1 hingga V20 dalam setiap ujian itu tinggi. Untuk mengesahkan perkara ini, analisis terhadap nilai reja-reja tersebut dibuat untuk melihat segmen-segmen jarak dan kedudukan *pillar-pillar* yang terlibat yang memberi kesan reja yang besar.

Jadual 5: Analisis Perbandingan Antara Ketepatan Pengilang Dengan Ketepatan Cerapan Alat

Bil	Negeri	Tempat Ujian	No. Ujian	Model Alat	No. Siri	Ketepatan Jarak Alat – Pengilang (mm)	Ketepatan Jarak Alat – Ujian LSA (mm)	Analisis Cerapan Tidak Teratur (mm)	Catatan
1	Johor	Taman Permas	1	TOPCON ES-105	GZ8671	±2mm+ 2ppm	0.469		
		UTHM, Batu Pahat	2	TOPCON ES-105	GZ8671	±2mm + 2ppm	0.354		
2	Kedah	Jalan Kilang Lama, Kulim	1	TOPCON ES-105	GZ8216	±2mm + 2ppm	0.494		
			2	TOPCON ES-105	GZ8693	±2mm + 2ppm	0.375		
			1	LEICA TS 06 PLUS	1364315	±1.5mm + 2ppm	0.34		
			2	LEICA TS 06 PLUS	1364315	±1.5mm + 2ppm	6369.752	Perlu Cerap Semula	Cerapan Tidak Teratur Kesalahan Bacaan Turutan Pillar (6 Pillar Digunakan)
3	Kelantan	KADA Resort Melur, Kota Bharu	1	TOPCON GPT 3005W	3Y1901	±3mm + 2ppm	0.524		
			1	TOPCON GPT 3005W	3Y1931	±3mm + 2ppm	0.496		
4	Negeri Sembilan	Jalan Hj Mohamad Said	1	TOPCON ES-105	GZ8645	±2mm + 2ppm	0.505		
			2	LEICA TS 06 PLUS	GZ8651	±1.5mm + 2ppm	0.522		
5	Pahang	Taman Seri Semantan, Temerloh	1	TOPCON ES-105	GZ8611	±2mm + 2ppm	580.142	0.40920464	Cerapan Tidak Teratur (Catatan Jarak)
			2	LEICA TS 06 PLUS	1363271	±1.5mm + 2ppm	386.64	0.44002841	Cerapan Tidak Teratur (Catatan Jarak)
6	Perak	KOMTUR Indera Mahkota, Kuantan	1	LEICA TS 06 PLUS	1363271	±1.5mm + 2ppm	0.436		
			2	LEICA TS 06 PLUS	1363286	±1.5mm + 2ppm	0.368		
7	Perlis	Kelab Golf Kinta, Batu Gajah	1	LEICA TS 06 PLUS	1363286	±1.5mm + 2ppm	0.341		
			2	TOPCON ES-105	GZ8744	±2mm + 2ppm	0.137		
8	Pulau Pinang	Taman Tasik, Taiping	1	TOPCON ES-105	GZ8744	±2mm + 2ppm	0.325		
			2	LEICA TS 06 PLUS	1365180	±1.5mm + 2ppm	0.666		
9	Perlis	Sg Batu Pahat	1	LEICA TS 06 PLUS	1365180	±1.5mm + 2ppm	0.319		
			2	LEICA TS 06 PLUS	136064	±1.5mm + 2ppm	0.841		
10	Perlis	Padang Polo, Jalan Sepoi Lines	1	LEICA TS 06 PLUS	136064	±1.5mm + 2ppm	0.446		
			2	TOPCON ES-105	GZ8647	±2mm + 2ppm	0.727		
11	Perlis	Sg Batu Pahat	1	TOPCON ES-105	GZ8647	±2mm + 2ppm	0.466		
			2	TOPCON ES-105	GZ8628	±2mm + 2ppm	1.782		
12	Perlis	Sg Batu Pahat	1	TOPCON ES-105	GZ8628	±2mm + 2ppm	6.636		
			2	TOPCON ES-105	GZ8608	±2mm + 2ppm	0.505		
13	Perlis	Sg Batu Pahat	1	TOPCON ES-105	GZ8608	±2mm + 2ppm	0.725		
			2	LEICA TS 06 PLUS	1363058	±1.5mm + 2ppm	0.486		
14	Perlis	Sg Batu Pahat	1	LEICA TS 06 PLUS	1363058	±1.5mm + 2ppm	0.482		
			2	LEICA TS 06 PLUS	1363058	±1.5mm + 2ppm	0.482		

Bil	Negeri	Tempat Ujian	No. Ujian	Model Alat	No. Siri	Ketepatan Jarak Alat – Pengilang (mm)	Ketepatan Jarak Alat – Ujian LSA (mm)	Analisis Cerapan Tidak Teratur (mm)	Catatan
9	Sabah	Kg. Andus Papar, Kota Kinabalu	1	TOPCON GPT3007LW	820090	±3mm + 2ppm	0.34		
			2	TOPCON GPT3007LW	820090	±3mm + 2ppm	0.437		
10	Sarawak	Balai Ringin, Serian	1	TOPCON GPT3007LW	820067	±3mm + 2ppm	1.057		
			2	TOPCON GPT3007LW	820067	±3mm + 2ppm	0.999		
			1	TOPCON GPT3007LW	820068	±3mm + 2ppm	0.988		
			2	TOPCON GPT3007LW	820068	±3mm + 2ppm	1.073		
			1	TOPCON GPT3007LW	820072	±3mm + 2ppm	2.203		
			2	TOPCON GPT3007LW	820072	±3mm + 2ppm	0.959		
			1	TOPCON ES-101	GW0059	±2mm + 2ppm	1.312		
			2	TOPCON ES-101	GW0059	±2mm + 2ppm	1.192		
11	Selangor	Seksyen 6, Shah Alam	1	TOPCON ES-101	GW0061	±2mm + 2ppm	0.541		
			2	TOPCON ES-101	GW0061	±2mm + 2ppm	1.013		
			1	TOPCON ES-105	GZ8665	±2mm + 2ppm	0.461		
			1	TOPCON ES-105	GZ8623	±2mm + 2ppm	0.807		
			2	TOPCON ES-105	GZ8623	±2mm + 2ppm	19331.487	1.58468254	Cerapan Tidak Teratur (Ralat Catatan Jarak)
			1	TOPCON ES-105	GZ9842	±2mm + 2ppm	8055.401	1.66949656	Cerapan Tidak Teratur (Ralat Catatan Jarak) P1 – P5 & P3-P5
			1	TOPCON GPT3005W	3Y1963	±3mm + 2ppm	13.925	0.83214707	Cerapan Kurang baik (Ralat Catatan Jarak) Garisan P5 –P1
			2	TOPCON ES-105	GZ8783	±2mm + 2ppm	0.941		
12	Terengganu	Tanjung Jara, Dungun	1	TOPCON ES-105	GZ8783	±2mm + 2ppm	0.785		
13	WP Kuala Lumpur	Seksyen 6, Shah Alam	1	TOPCON ES-105	GZ8848	±2mm + 2ppm	0.573		
			1	TOPCON ES-105	GZ8640	±2mm + 2ppm	0.467		
			1	TOPCON ES-105	GZ8804	±2mm + 2ppm	0.525		
			1	TOPCON ES-105	GZ8600	±2mm + 2ppm	1.053		
14	WP Labuan	Lapangan Terbang TUDM Labuan	1	LEICA TS 06 PLUS	1363270	±1.5mm + 2ppm	0.455		
			1	TOPCON ES-105	GZ8809	±2mm + 2ppm	2.153		
			1	TOPCON ES-105	GZ8619	±2mm + 2ppm	0.251		
15	Melaka	Kawasan Perindustrian, Ayer Keroh Melaka	1	LEICA TS 06 PLUS	1363519	±1.5mm + 2ppm	10190	5.32461017	Cerapan Tidak Teratur (ralat Bacaan Jarak & Beza Jarak P5-P2 & P2-P5 0.01m)
			1	TOPCON ES-105	GZ8708	±1.5mm + 2ppm	0.649		

Sebagai contoh; Ujian alat **TOPCON ES105 No Siri : GZ9842 (JUPEM Selangor)** yang dijalankan di Tapak Ujian Kalibrasi *EDM* Seksyen 6, Shah Alam. Alat yang dilaksanakan ujian mempunyai keputusan ketepatan alat yang tinggi iaitu **8055.401 mm** berbanding dengan Ketepatan Pengilang adalah $\pm 2 \text{ mm} + 2 \text{ ppm}$ (diambil sebagai 4mm had maksimum dibenarkan). Nilai sisihan piawai bagi reja yang diperolehi dari setiap cerapan adalah **8.0554 m** bagi alat tersebut. Ini menunjukkan terdapat selisih besar dalam cerapan yang telah diperolehi di lapangan. Melalui kaedah ujian ini, setiap cerapan yang dibuat mewakili segmen jarak yang tertentu mengikut jarak sedia ada antara *pillar*.

Berdasarkan nilai-nilai reja (V) bagi setiap cerapan sebagaimana dalam **Jadual 6**, didapati nilai reja yang besar berlaku pada V12 dan ini kemungkinan berpunca dari kesilapan rekod cerapan P3–P5. Sehubungan itu, semakan perbandingan berdasarkan Jarak Piawai Sijil Akreditasi Tapak yang dikeluarkan pihak JUPEM sebagaimana yang ditunjukkan dalam **Rajah 2** perlu dirujuk.

Jadual 6: Reja (V) Dari V1 Hingga V20 yang Diperolehi dari Data Cerapan Lapangan

5					
6	V1	1 0 0 0 1	(49.0010)	V1 =	-1.1844600
7	V2	1 1 0 0 1	125.0068	V2 =	3.5610550
8	V3	1 1 1 0 1	201.0118	V3 =	0.4035950
9	V4	1 1 1 1 1	300.1078	V4 =	-2.8196900
10	V5	1 0 0 0 1	49.0018	V5 =	-1.1852100
11	V6	0 1 0 0 1	76.0048	V6 =	2.7597900
12	V7	0 1 1 0 1	152.0110	V7 =	-0.3989200
13	V8	0 1 1 1 1	251.0320	V8 =	-3.5472050
14	V9	1 1 0 0 1	125.0068	V9 =	3.5610550
15	V10	0 1 0 0 1	76.0068	V10 =	2.7577900
16	V11	0 0 1 0 1	76.0030	V11 =	-5.1421850
17	V12	0 0 1 1 1	135.5248	V12 =	31.2087800
18	V13	1 1 1 0 1	201.0088	V13 =	0.4065950
19	V14	0 1 1 0 1	152.0088	V14 =	-0.3966700
20	V15	0 0 1 0 1	76.0033	V15 =	-5.1424350
21	V16	0 0 0 1 1	99.0220	V16 =	-5.1360100
22	V17	1 1 1 1 1	300.0310	V17 =	-2.7429400
23	V18	0 1 1 1 1	251.0293	V18 =	-3.5444550
24	V19	0 0 1 1 1	175.0180	V19 =	-8.2844700
25	V20	0 0 0 1 1	99.0200	V20 =	-5.1340100
26					

SIJIL AKREDITASI TAPAK UJIAN EDM NO 12/2017		
Dari	Ke	Jarak Muktamad
1	2	5.013
1	3	9.995
1	4	49.001
1	5	88.998
1	6	125.009
1	7	183.003
1	8	201.012
1	9	251.007
1	10	300.034
2	3	4.982
2	4	43.988
2	5	81.985
2	6	119.996
2	7	167.989
2	8	195.999
2	9	245.994
2	10	295.021
3	4	39.006
3	5	77.003
3	6	115.014
3	7	153.007
3	8	191.016
3	9	241.012
3	10	290.038
4	5	37.997
4	6	76.008
4	7	114.001
4	8	152.010
4	9	202.006
4	10	251.032
5	6	38.011
5	7	76.004
5	8	114.014
5	9	164.009
5	10	213.036
6	7	37.994
6	8	76.003
6	9	125.998
6	10	175.025
7	8	38.009
7	9	88.005
7	10	137.031
8	9	49.996
8	10	99.022
9	10	49.027

Rajah 2 : Sijil Akreditasi Tapak Ujian EDM Seksyen 6, Shah Alam

Daripada semakan perbandingan, didapati rekod bacaan P3–P5 iaitu 135.5248 m menunjukkan perbezaan yang ketara dengan bacaan P5–P3 iaitu 175.0180 m. Ini menyebabkan perbezaan jarak sebanyak 39.4933 m telah berlaku bagi kedua-dua *pillar* tersebut dan seterusnya mempengaruhi nilai raja yang diperolehi. Justeru itu, semakan mendapati terdapat ralat catatan berlaku pada cerapan P3–P5 dimana jarak 17.024 m telah direkodkan sedangkan jarak sebenar adalah 175.024 m seperti bacaan sebelum dan selepasnya dibuat.

Oleh yang demikian, melalui kaedah ini ianya juga dapat mengenal pasti kemungkinan adanya kesilapan yang berlaku semasa cerapan. Dengan itu tindakan pembetulan dapat dijalankan dan hasil daripada pembetulan tersebut telah memperolehi Sisihan


Piawai 1.669 mm sebagaimana yang ditunjukkan dalam **Jadual 7**. Ini menunjukkan Ketepatan Alat masih dalam had Ketepatan Pengilang. Keputusan ini juga menunjukkan bahawa kondisi alat adalah dalam keadaan baik dan menepati Ketepatan Pengilang sebagaimana yang dinyatakan dalam manual spesifikasi alat.

Jadual 7: Sisihan Piawai bagi Cerapan Alat Topcon ES-105 (GZ9842) yang Telah Disemak dan Diperbetulkan Ralat Bacaan

Y	Z	AA	AB	AC
	-0.0002025		0.0000557	
	0.0008575			
	-0.0010575			
	-0.0019725			
	-0.0009525			
	0.0014725			
	-0.0016925			
	-0.0018575			
	0.0008575			
	-0.0005275			
	-0.0005025			
	-0.0014175			
	0.0019425			
	0.0005575			
	-0.0007525			
	-0.0017525			
	0.0005275			
	0.0008925			
	0.0053325			
	0.0002475		0.001669497	

5. ANALISIS PERBANDINGAN JARAK SEGMENT X1, X2, X3 DAN X4 (SELISIH SKALA)

Analisis jarak segmen bagi Selisih Skala juga dapat dilaksanakan bagi setiap ujian alat melalui kaedah ini. Berdasarkan **Rajah 3**, jumlah jarak bagi gabungan keempat-empat segmen yang terdiri daripada X1 hingga X4 akan menunjukkan panjang keseluruhan jarak *pillar* dari PU1 ke PU5. Jumlah jarak ini dapat dibandingkan dengan nilai piawai JUPEM yang diperolehi dari Jarak Piawai Sijil Akreditasi Tapak (Data mEDMAS). Setiap segmen X1, X2, X3 dan X4 dapat dikenal pasti melalui data cerapan yang dipungut di lapangan.



Rajah 3: Ujian 1 Bagi 5 Pilar Sedia Ada yang Dipilih Membentuk Jarak Segmen X1, X2, X3 dan X4

Sebagai contoh, analisis bagi alat ES-105 (GZ8693) di Tapak Ujian EDM Kilang Lama, Kulim. Alat dijalankan mengikut SOP Ujian 1 iaitu jarak melebihi 300 m. Terdapat lima (5) *pillar* sedia ada di tapak yang dipilih adalah nombor 1(PU1), 4(PU2), 6(PU3), 8(PU4) dan 10(PU5) masing-masing. Sehubungan itu, ianya dapat dirumuskan seperti berikut:

X1 = jarak *pillar* 1 ke 4

X2 = jarak *pillar* 4 ke 6

X3 = jarak *pillar* 6 ke 8, dan

X4 = jarak *pillar* 8 ke 10

SIJIL AKREDITASI TAPAK UJIAN EDM NO 8/2016		
Dari	Ke	Jarak Muktamad
1	2	4.997
1	3	9.999
1	4	48.990
1	5	87.001
1	6	124.995
1	7	163.000
1	8	200.993
1	9	251.000
1	10	300.007
2	3	5.001
2	4	43.993
2	5	82.004
2	6	119.998
2	7	158.003
2	8	195.996
2	9	246.003
2	10	295.010
3	4	38.992
3	5	77.003
3	6	114.997
3	7	153.002
3	8	190.995
3	9	241.002
3	10	290.009
4	5	38.011
4	6	76.005
4	7	114.010
4	8	152.003
4	9	202.010
4	10	251.017
5	6	37.994
5	7	75.999
5	8	113.992
5	9	163.999
5	10	213.006
6	7	38.005
6	8	75.998
6	9	126.005
6	10	175.012
7	8	37.993
7	9	88.000
7	10	137.007
8	9	50.007
8	10	99.014
9	10	49.007

Rajah 4 : Sijil Akreditasi Tapak EDM Jalan Kilang Lama Kulim

Hasil pelarasan bagi nilai-nilai X1, X2, X3 dan X4 kemudiannya dapat dibandingkan dengan nilai-nilai Jarak Piawai Sijil Akreditasi Tapak Ujian EDM, Jalan Kilang Lama Kulim (MEDMAS) sebagaimana yang ditunjukkan pada **Rajah 4**. Daripada hasil cerapan yang diproses sepertimana dalam **Jadual 8**, didapati nilai segmen X1 iaitu jarak *pillar* 1 ke 4 adalah 48.9889105 m manakala nilai MEDMAS 48.990 m. Bagi segmen X2 iaitu jarak pillar 4 ke 6, nilai diperoleh adalah 76.0041380 m manakala nilai MEDMAS ialah 76.005 m.

Jadual 8: Hasil Output Jumlah Jarak Segmen X1, X2, X3 dan X4

	CI	CJ	CK	CL	CM	CN	CO	CP	CQ	CR
10										
11										
12		X1	=	48.9889105		V1	=	0.0009342		
13		X2	=	76.0041380		V2	=	0.0003222		
14		X3	=	75.9950580		V3	=	0.0001802		
15		X4	=	99.0136830		V4	=	0.0001132		
16		Selisih	=	-0.0001763		V5	=	-0.0009658		
17						V6	=	0.0004617		
18						V7	=	-0.0001803		
19						V8	=	0.0000027		
20						V9	=	-0.0003278		
21		Jumlah Jarak Segmen :		300.0017895		V10	=	-0.0003383		
22						V11	=	0.0001817		
23						V12	=	-0.0002102		
24						V13	=	-0.0004698		
25						V14	=	-0.0000803		
26						V15	=	0.0002817		
27						V16	=	-0.0000932		
28						V17	=	0.0002132		
29						V18	=	0.0001027		
30						V19	=	-0.0001352		
31						V20	=	0.0000068		
32										

Seterusnya bagi segmen X3 iaitu jarak pillar 6 ke 8 diperolehi 75.9957580 m berbanding MEDMAS iaitu 75.998 m. Manakala bagi segmen X4 iaitu jarak pillar 8 ke 10 diperolehi 99.0136830 m berbanding MEDMAS 99.014 m. Perbezaan jarak adalah seperti **Jadual 9**. Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak mementingkan nilai jarak antara segmen. Jarak antara segmen ini merupakan suatu parameter pemboleh ubah dalam model matriks. Ianya hanya bertujuan untuk menunjukkan keupayaan kaedah pelarasan ini bagi menentukan selisih skala.

Jadual 9: Hasil Perbezaan Jarak Segmen Pelarasan dan Jarak MEDMAS

Segmen	Jarak Pelarasan (m)	Jarak MEDMAS (m)	Beza (m)
X1 (Pillar 1–4)	48.9889105	48.990	0.0011
X2 (Pillar 4 -6)	76.0041380	76.005	0.0009
X3 (Pillar 6-8)	75.9950580	75.998	0.0029
X4 (Pillar 8-10)	99.0136830	99.014	0.0003
JUMLAH	300.0017895	300.007	0.0052

6. RUMUSAN

Hasil pelarasan yang diperolehi telah dapat memenuhi penentuan selisih-selisih yang lazim dibuat ke atas kalibrasi alat *EDM* iaitu Selisih Skala (X1, X2, X3 dan X4) serta Selisih Tetap/Sifar (X5). Manakala Selisih Kitaran adalah diabaikan dalam alat *EDM* terkini. Berdasarkan ujian yang dijalankan, hasil muktamad yang dikehendaki adalah Sisihan Piawai bagi reja (*Standard Deviation*) setiap cerapan yang mana ianya akan dibandingkan secara terus dengan ketepatan sesebuah alat mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Pengilang. Jarak Piawai Sijil Akreditasi digunakan sebagai rujukan asas dalam semakan rekod cerapan jarak jika terdapat nilai reja cerapan yang terlalu besar dan ini dapat meningkatkan lagi intergriti ujian kalibrasi alat *EDM*. Ianya juga digunakan sebagai rujukan penentuan selisih skala alat tersebut.

7. CADANGAN

Di antara cadangan yang disarankan bagi kaedah ini di masa akan datang adalah seperti berikut:

- a. Alat *EDM* yang dikalibrasi harus menggunakan prisma yang sama semasa kalibrasi dibuat;
- b. Menyediakan satu (1) *pillar* tambahan dari bilangan lima (5) *pillar* sedia ada. Ianya berfungsi sebagai *pillar* bantuan sekiranya berlaku kerosakan/kegagalan fungsi salah satu satu daripada lima (5) *pillar* diguna pakai;

- c. Pemasangan plat tapak pillar boleh laras supaya jarak antara *pillar* dapat diubah bagi meningkatkan integriti cerapan dan penentuan Selisih Skala;
- d. Kaedah pelarasan ini boleh digunakan untuk kalibrasi alat *Distometer* dan juga *EDM Reflectorless* dengan sedikit perubahan pada pemegang alat; dan
- e. Pembangunan modul pemprosesan kuasa dua terkecil dalam platform *web-based* yang lebih mesra pengguna diperlukan.

LAPORAN BERGAMBAR

PROGRAM CERAPAN GERHANA MATAHARI CINCIN MASJID JAMEK KG PERPAT TIMBUL, TANJUNG PIAI, JOHOR DARUL TAKZIM

Balya Amin Bin Yusoff @ Che Man

Bahagian Ukur Geodetik

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

balya@jupem.gov.my

Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah menganjurkan Program Cerapan Gerhana Matahari Cincin 2019 bertempat di Masjid Jamek Kampung Perpat Timbul, Tanjung Piai, Johor pada 26 Disember 2019. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sr Dr. Azhari bin Mohammad, Ketua Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan



Malaysia (JUPEM) yang merangkap sebagai Ahli Panel Pakar Falak JAKIM. Program ini juga telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Hj. Anhar bin Hj Opir, Timbalan Mufti Negeri Selangor, mahasiswa UTM dan UiTM, barisan Ahli Jawatankuasa Masjid Jamek Kampung Perpat Timbul serta pemimpin dan penduduk setempat Kampung Perpat Timbul.




Antara agensi/jabatan dan NGO yang mengambil bahagian menyertai program tersebut seperti Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT), Persatuan Jurukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Geospatial Science & Technology College (GSTC), Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP), Jabatan Mufti Negeri

Selangor (JMNS) dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Gerhana Matahari Cincin ini pernah berlaku pada 21 tahun yang lepas iaitu pada tahun 1998 di Mersing, di Negeri Johor.




Rajah 1: Sumbangan Kepada Masjid Jamek Perpat Timbul, Tanjung Piai, Negeri Johor


Gerhana Matahari Cincin ini bermula pada jam 11.27 pagi (sentuhan pertama), waktu kemuncak pada jam 1.22 petang dan berakhir pada jam 3.15 petang (sentuhan terakhir). Hasil dapatan fasa-fasa gerhana adalah seperti **Rajah 4**. Fenomena ini berlaku apabila bulan bergerak sejajar di hadapan matahari (ijtima'). Namun disebabkan pada ketika itu, jarak bulan berada sedikit jauh daripada bumi, maka saiznya sedikit kecil dan tidak akan dapat menutupi keseluruhan bentuk permukaan matahari. Keadaan cuaca sepanjang program berlangsung sangat baik dan tidak berawan.



Rajah 2: Laluan Gerhana Matahari Cincin Pada 26 Disember 2019 Adalah Yang Berwarna Kelabu




Rajah 3: Kawasan Kukup Dan Tanjung Piai Merupakan Kawasan Yang Menerima Peratusan Paling Baik Untuk Cerapan Matahari Cincin



Rajah 4: Fasa-Fasa Fenomena Gerhana Matahari Cincin

Rajah 5 di bawah menunjukkan perubahan persekitaran semasa berlakunya gerhana matahari cincin. Pada jam 13.22 petang kelihatan persekitaran agak gelap disebabkan kemuncak gerhana matahari cincin berlaku iaitu semasa 94.1% bulan menutupi matahari.



Rajah 5: Perubahan Pesekitaran Ketika Berlakunya Gerhana Matahari Cincin di Antara 1211 tengahari Hingga 1513 Petang

Antara pengisian program tersebut adalah didahului dengan taklimat berkaitan gerhana yang telah disampaikan oleh wakil JUPEM, Solat Sunat dan Khutbah Gerhana. Berikut adalah kajian-kajian yang telah dijalankan sepanjang fenomena gerhana matahari cincin;

AKTIVITI 1: BAYANG BAYANG BENTUK SABIT

Ujikaji ini dijalankan adalah untuk melihat kesan gerhana matahari terhadap bayang-bayang yang akan dihasilkan semasa gerhana matahari cincin. Bagi aktiviti ini, urusetia telah menyediakan dua buah kotak yang di atasnya diletakkan kertas berwarna putih dan juga kertas berwarna hitam yang telah ditebuk dengan beberapa lubang kecil. **Rajah 6** menunjukkan perbezaan kertas yang digunakan.



Rajah 6: Kotak Yang Digunakan Untuk Aktiviti 1

Berdasarkan daripada hasil pemerhatian dan catatan yang dilakukan, beberapa analisis boleh dilakukan iaitu bentuk bayang-bayang sebelum gerhana dan semasa gerhana. Sebelum bermulanya gerhana, hasil dapatan bagi bayang-bayang yang terhasil melalui lubang-lubang kecil yang telah dibuat adalah berbentuk bulat. Seterusnya, ketika berlakunya gerhana iaitu pada jam 12.01 tengahari, bayang-bayang yang terhasil telah bertukar menjadi separa bulatan atau sabit **Rajah 7**. Selain daripada itu, bayang-bayang daripada pokok-pokok yang berada di sekitar tempat cerapan menunjukkan bentuk sabit. Lihat **Rajah 8** untuk gambar bayang-bayang pokok.



Rajah 7: Bayang-Bayang Daripada Kotak Yang Terdapat Kertas Yang Ditebuk Kecil



Rajah 8: Bayang-Bayang Pokok Yang Terdapat di Sekitar Tempat Cerapan

Namun, ketika berlakunya gerhana matahari pada waktu kemuncak iaitu sekitar jam 1.22 petang sehingga 1.24 petang, bentuk bayang-bayang yang terhasil tidak dapat dipastikan sama ada ianya berbentuk sabit ataupun berbentuk cincin kerana keterujaan melihat gerhana matahari cincin yang berlaku selama hanya dua (2) minit. Berdasarkan kepada pemerhatian ini, dapatlah disimpulkan bahawa bayang-bayang yang terhasil semasa kejadian gerhana matahari dipengaruhi oleh

kejadian gerhana tersebut, memandangkan bayang-bayang yang terhasil berbentuk sabit. Lihat **Rajah 8** untuk gambar bayang-bayang pada payung yang ditebuk dan **Rajah 9**.




Rajah 9: Bayang-Bayang Terbentuk Dari Payung Dari Yang Ditebuk


AKTIVITI 2: SEMAKAN SUHU PERSEKITARAN

Selain ujikaji bayang-bayang berbentuk sabit, semakan suhu persekitaran juga dilakukan. Terdapat dua (2) alat mengukur suhu dan tekanan yang telah disediakan oleh pihak JUPEM dalam menjalankan semakan ini. Semakan bacaan yang dilakukan adalah semakan suhu dan juga tekanan persekitaran. Bacaan suhu dan tekanan ini dicatatkan sebelum kejadian gerhana dan semasa berlakunya gerhana. Sela bacaan yang diambil adalah pada setiap 10 minit iaitu bermula pada jam 10.30 pagi (lihat **Rajah 10**) dan setiap 1 minit iaitu bermula jam 12.30 tengahari (lihat **Rajah 11**).

Berdasarkan kepada **Rajah 11**, dapat dilihat suhu persekitaran semakin menurun sewaktu gerhana matahari berlaku. Suhu yang paling minimum dapat dilihat pada sekitar jam 1.22 petang sehingga jam 1.33 petang iaitu pada waktu yang ditandakan dengan warna biru (lihat **Rajah 11**). Pada waktu inilah berlakunya kemuncak gerhana matahari cincin. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa sewaktu permulaan gerhana matahari sehingga ke kemuncak gerhana matahari cincin, penurunan suhu berlaku disebabkan oleh cahaya matahari yang dilindungi oleh bulan disebabkan kedudukan selari diantara bumi, bulan dan matahari.



Rajah 10: Suhu Persekitaran Sebelum Kejadian Gerhana Kemuncak



Rajah 11: Suhu Persekitaran Semasa Kejadian Gerhana Kemuncak

AKTIVITI 3: PEMERHATIAN TINGKAH LAKU HAIWAN


Sewaktu kejadian gerhana matahari cincin ini berlaku, ujikaji terhadap haiwan ternakan iaitu ayam, burung (tekukur) dan hamster turut dilakukan. Ketiga-tiga haiwan yang digunakan dalam aktiviti ini. Bagi ujikaji ini, sewaktu berlakunya kemuncak gerhana matahari cincin, dapat disimpulkan bahawa kesemua haiwan-haiwan berada dalam keadaan yang pasif. Perkara ini mungkin disebabkan oleh

perubahan cuaca yang berlaku dimana cuaca yang pada mulanya cerah bertukar menjadi mendung disebabkan gerhana matahari. Dari pemerhatian ke atas haiwan sekeliling didapati burung-burung beterbangan secara berkumpulan pulang ke sarang di pokok. Ini kerana perubahan persekitaran sedikit gelap dan mendung ketika kemuncak gerhana matahari cincin.



AKTIVITI 4: AKTIVITI TELUR BERDIRI

Seterusnya, aktiviti yang dilakukan sewaktu gerhana matahari adalah ujikaji terhadap telur. Aktiviti ini dilakukan untuk melihat kesan gerhana terhadap kebolehpayaan telur untuk berdiri atau berada dalam keadaan tegak. Ujikaji ini dijalankan terhadap dua (2) jenis keadaan iaitu telur rebus dan telur mentah. Berdasarkan kepada kajian ini, dapat disimpulkan bahawa gerhana matahari



tidak memberi kesan kepada kebolehpayaan telur untuk berdiri atau tegak. Ini kerana terdapat beberapa biji telur yang boleh didirikan sehari sebelum berlakunya gerhana. Jadi, kejadian gerhana matahari ini tidak mempengaruhi keadaan telur, sebaliknya bentuk telur dan permukaan lantai mempengaruhi kebolehpayaan telur untuk berdiri.

LAPORAN BERGAMBAR

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL DASAR DAN ISU-ISU INSTITUSI BIL. 1/2020 (JTDII)

Sr Mohd Zakaria bin Mohd Gzazali

Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

Zakaria.gzazali@jupem.gov.my

Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Isu-isu Institusi (JTDII) Bil. 1/2020 buat julung kalinya telah diadakan secara maya dengan menggunakan aplikasi *Skype for Business (SfB)* dan dipengerusikan oleh Sr Mohd Latif bin Zainal, Pengarah Ukur Bahagian Dasar dan Pemetaan (BDPP), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) pada 4 Jun 2020. Selaras dengan arahan Kerajaan agar semua mesyuarat-mesyuarat diadakan secara maya bagi mengawal pergerakan ahli-ahli mesyuarat serta mengelakkan penularan wabak COVID-19.



Walau bagaimanapun, kehadiran ahli-ahli mesyuarat dari JUPEM adalah secara fizikal dengan mengambilkira tatacara yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti pemakaian pelitup muka, penggunaan *hand sanitizer* dan penjarakan sosial. Di antara perkara-perkara yang dibincangkan pada Mesyuarat JTDII Bil. 1/2020 adalah seperti berikut:

- a. Menghadiri Sesi Libat Urus Isu-isu Penggunaan UAS di Malaysia anjuran Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Dalam sesi tersebut, terdapat beberapa cadangan yang dipertimbangkan antaranya kuasa atau peranan diberikan kepada PDRM untuk mengambil tindakan dan keperluan penguatkuasaan diperluaskan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk sebarang penyalahgunaan UAS;
- b. Membentangkan Garis Panduan Penawanan Data Pemetaan Udara Berdasarkan Penggunaan UAS bagi Aktiviti Citraan Bawaan Udara kepada Persatuan Jurukur Tanah Berlesen (PEJUTA) dan UTM pada 23 Jun 2020;
- c. Memohon JUPEM Negeri untuk menyenaraikan dan mendapatkan maklumat Pelan Warta Kawasan Larangan Tempat Larangan dan Sasaran Penting (KLTLSP) bagi tujuan dikemaskini dan penyelarasan oleh pihak BGSP;
- d. Pertukaran Pengerusi Jawatankuasa Audit Keselamatan Geospasial (JAKG) daripada Pengarah BGSP kepada Pengarah Ukur BDPP; dan
- e. Menambahbaik draf penubuhan JAKG berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada pelbagai agensi luar seperti JPSM, MYSA, PHN, UTM, JMG, DOA dan JTUS.



Pengerusi dan Ahli-ahli Mesyuarat JDITII Bil. 1/2020 yang hadir secara fizikal pada 4 Jun 2020

LAPORAN BERGAMBAR

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PENYELIDIKAN GEOINFORMASI / GEOMATIK KEBANGSAAN (JTPGGK)

Sr Shamiruddin bin Mohammad Azami
Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan

shamiruddin@jupem.gov.my

Pada tahun 2020, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Geoinformasi / Geoinformatik Kebangsaan (JTPGGK) Bil. 1/2020 telah diadakan pada 13 Ogos 2020 di Wisma JUPEM dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sr Dr. Azhari bin Mohamed, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia selaku Pengerusi JPDSN. JTPGGK merupakan Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan kepada bidang Ukur Geomatik dan Geoinformasi di peringkat kebangsaan di bawah Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN) yang telah diluluskan melalui Mesyuarat Ke-63 JPDSN pada Mac 2012 di Alor Setar.



Mesyuarat JTPGGK ini berperanan untuk menyelaraskan pelaksanaan strategi pengurusan dan pembangunan bagi aktiviti-aktiviti penyelidikan geospasial di kalangan institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi kerajaan di negara ini bagi memenuhi keperluan dan kehendak negara. Terdapat empat (4) kumpulan kerja (WG) yang ditubuhkan di bawah JTPGGK ini iaitu;

	Working Group	Pengerusi
i.	<i>Geospatial Science and Technology (WG 1)</i>	Prof.Dr. Alias bin Abdul Rahman Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
ii.	<i>Urban and Rural Governance (WG 2)</i>	Puan Abrizah binti Abdul Aziz Pusat Geospasial Negara (PGN)
iii.	<i>Ocean and Coast (WG 3)</i>	Dr. Abdullah Hisam bin Omar (Pengerusi Interim) Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
iv.	<i>Integrated Land Resource Management (WG 4)</i>	Muhammad Zamir bin Abdul Rasid Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Perkara-perkara yang telah dimaklumkan dan dibincangkan semasa Mesyuarat JTPGGK Bil. 1/2020 adalah seperti berikut:

- a. Penerimaan sijil Program Hidrografi Kategori A daripada Dr. Mathias Jonas, Setiausaha Agung Pertubuhan Hidrografi Antarabangsa (IHO) oleh Mantan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia YBhg. Dato' Indera Sr Mohd Noor bin Isa pada 8 April 2019 bertempat di Monaco;
- b. Pelantikan Pengerusi Interim WG 3 iaitu Dr. Abdullah Hisam bin Omar dari UTM atas dasar kepakaran beliau dalam bidang *Ocean and Coast*;
- c. Merancang mengadakan bengkel bagi membincangkan projek-projek yang berimpak tinggi bagi permohonan geran penyelidikan;
- d. Menyemak dan mengemaskini semula senarai-senarai Inventori Penyelidikan Geomatik / Geoinformasi sedia ada;
- e. Meningkatkan sistem penyampaian Aplikasi *Malaysia Geospatial Data Services* atau *MyGeoServe*;
- f. Menjalankan kajian berkaitan bidang *Coastal and Marine Mapping* dan Pengurusan Risiko Bencana;
- g. Menjalankan kajian keberkesanan *Quantum GIS* yang digunakan oleh PLANMalaysia untuk projek iPLAN oleh WG 2;
- h. Menjalankan kajian *Open Source GIS Software* dan merancang untuk mengadakan bengkel dengan kerjasama pihak UPM oleh WG 2;
- i. Mencadangkan kolokium secara atas talian iaitu *Just Breaaf On Line* bersama-sama ahli WG 3;

- j. Mengemukakan perancangan penyelidikan fokus kepada *Sustainable dan Resilient* iaitu 17 *Sustainable Development Goals* dari *United Nation* oleh WG 3;
- k. Mengadakan penyelidikan untuk mengekalkan kawasan berhutan sekurang-kurang 50% keluasan tanah oleh WG 4; dan
- l. Mengadakan latihan di kalangan ahli untuk berkongsi kepakaran teknikal di kalangan ahli WG4.



Puan Abrizah binti Abdul Aziz
Pusat Geospatial Negara (PGN)
Pengerusi WG 2



Dr. Abdullah Hisam bin Omar (Pengerusi Interim)
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Pengerusi WG 3



Muhammad Zamir bin Abdul Rasid
Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
Pengerusi WG 4



Sekitar Mesyuarat JTPGGK Bil. 1/2020 Pada 13 Ogos 2020 di Wisma JUPEM

PERANCANGAN TAKWIM GIS & GEOMATIK 2020

TARIKH	TAJUK	LOKASI	PENGANJUR	TALIAN PERTANYAAN
5 Februari 2020	KKDPNG Bil. 1/2020 : Perbincangan Berkaitan Semakan data PDNG Fasa III dan Maklum Balas Kajiselidik Buku NPEG (JUPEM/MaCGDI/PHN)	Bilik Mesyuarat Permata, Tingkat 14 Wisma JUPEM	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Hazri bin Hasan Tel : + 603-2617 0831 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : hazri@jupem.gov.my
19 Februari 2020	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dasar dan Isu-Isu Institusi (JTDII) Bil.1/2019	Bilik Persidangan, Tingkat 15, Wisma JUPEM	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Hazri bin Hasan Tel : + 603-2617 0831 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : hazri@jupem.gov.my
21 Februari 2020	Majlis Menandatangani Nota Kerjasama antara Kerajaan Malaysia (JUPEM) dan JPPH	Cyberjaya, JPPH	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Zainal Abidin bin Mat Zain Tel : + 603-2617 0631 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : zainalzain@jupem.gov.my
13 Ogos 2020	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan Geoinformasi/Geomatik Kebangsaan (JTPGGK) Bil. 2/2019	Bilik Persidangan, Tingkat 15, Wisma JUPEM	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Hazri bin Hasan Tel : + 603-2617 0831 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : hazri@jupem.gov.my
17 Mac 2020	KKDPNG Bil. 2/2020 : Bengkel Penyelarasan PDNG Fasa III bagi Bandar Cyberjaya, Kuantan dan Seremban	JUPEM Pahang	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Hazri bin Hasan Tel : + 603-2617 0831 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : hazri@jupem.gov.my
11 Ogos 2020	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dengan RISDA	RISDA, Jalan Ampang	JUPEM dan RISDA	Sr Zainal Abidin bin Mat Zain Tel : + 603-2617 0631 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : zainalzain@jupem.gov.my
10 September 2020	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Kebangsaan (JTNGK)	Pulau Pinang	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Hazri bin Hasan Tel : + 603-2617 0831 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : hazri@jupem.gov.my
5 & 6 Oktober 2020	Mesyuarat Ke-71 Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN)	Thistle Port Dickson Resort, Negeri Sembilan	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Hazri bin Hasan Tel : + 603-2617 0831 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : hazri@jupem.gov.my
3 November 2020	Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG)	Bilik Persidangan Tingkat 15, Wisma JUPEM	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Hazri bin Hasan Tel : + 603-2617 0831 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : hazri@jupem.gov.my

SUMBANGAN ARTIKEL/ CALL FOR PAPER

Buletin GIS & Geomatik diterbitkan dua (2) kali setahun oleh Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN). Sidang Pengarang amat mengalu-alukan sumbangan sama ada berbentuk artikel atau laporan bergambar mengenai perkembangan Sistem Maklumat Geografi di Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Institusi Pengajian Tinggi.

Panduan Untuk Penulis

1. Manuskrip boleh ditulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
2. Setiap artikel yang mempunyai **abstrak mestilah condong (*italic*)**.
3. Format manuskrip adalah seperti berikut:

Jenis huruf	: Arial
Saiz huruf bagi tajuk	: 12 (Huruf Besar)
Saiz huruf artikel	: 10
Saiz huruf rujukan/ <i>references</i>	: 8
Langkau (isi kandungan)	: 1.5
Saiz Kertas (<i>Custom size</i>)	: 20.32cm x 25.4cm
Margin	: Atas, bawah, kiri dan kanan = 2.5cm
Justifikasi teks	: <i>Justify alignment</i>
Maklumat penulis	: Nama penuh, alamat lengkap jabatan/ institusi, nombor telefon bimbit dan emel.

Satu *column* setiap muka surat

4. **Sumbangan hendaklah dikemukakan dalam bentuk *softcopy* dalam format *Microsoft Word*. Semua imej grafik hendaklah dibekalkan secara berasingan dalam format **.tif* atau **.jpg* dengan resolusi 150 dpi dan ke atas.**
5. Segala pertanyaan dan sumbangan bolehlah dikemukakan kepada:

Ketua Editor
Buletin GIS & Geomatik
Seksyen Dasar Pemetaan
Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Tingkat 14, Wisma JUPEM
Jalan Sultan Yahya Petra
50578 Kuala Lumpur
Tel: 03-26170800
Fax: 03-26970140
E-mel: hazri@jupem.gov.my & shamiruddin@jupem.gov.my
Laman web: <http://www.jupem.gov.my>

